


Jilid IV
Bil. 9



Hari Jumaat
26hb Julai, 1974

MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 717]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 717]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 718]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 738]

Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam [Ruangan 768]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat—Perubahan [Ruangan 763]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 786]

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Jumaat, 26hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am. PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAU HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI A. HAMID (Dilantik).
- .. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU. P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

.. DATUK E. E. C. THURASINGHAM. D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

.. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

•

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Perutusan*)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara;
- (2) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Kemajuan Petroliam;
- (4) Rang Undang-undang Kumpulanwang Kutu (Pengesahan);
- (5) Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional; dan
- (7) Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan).

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang disebutkan itu dibacakan kali

yang kedua dan yang ketiganya di Mesyuarat ini:

- (1) Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara;
- (2) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Kemajuan Petroliam;
- (4) Rang Undang-undang Kumpulanwang Kutu (Pengesahan);
- (5) Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional; dan
- (7) Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GULA/TEPUNG—LESEN PENJUAL

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaakob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang akan diambil ke atas peniaga-peniaga yang menjual gula dan tepung tanpa lesen.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga yang menjual gula dan tepung tanpa lesen adalah melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan, 1974 dan boleh dihukum di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 apabila peraturan-peraturan itu dikuatkuasakan.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini akan dikuatkuasakan pada 15hb Oktober tahun ini. Kita melambatkan kuatkuasa undang-undang itu dengan sebab berpuluh-puluh ribu permohonan daripada penjual-penjual, misalnya gula dan juga tepung di seluruh Malaysia ini memohon lesen iaitu dalam masa memproses untuk memberi lesen itu mengambil masa. Kalau kita kuatkuasakan undang-undang, tetapi lesen belum dikeluarkan lagi maka adalah menganiayakan mereka itu. Dengan sebab itulah pada masa ini belum dikuatkuasakan lagi oleh kerana lesennya belum habis dikeluarkan lagi.

UNIVERSITI MALAYA—PENG-AMBILAN PENUNTUT-PENUNTUT

2. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjamin bahawa 10% daripada penuntut-penuntut di Universiti Malaya adalah terdiri daripada penuntut-penuntut keturunan India sebagai yang telah dijanjikan; dan
- (b) adakah benar lebih kurang 80 tempat lagi yang dikhaskan untuk penuntut-penuntut India dalam Universiti Malaya bagi tahun akademik 1974 tidak dipenuhi, jika ya, kenapa.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Universiti Malaya tidak mengamalkan sistem quota bagi pengambilan penuntut-penuntut ke Universiti tersebut, tetapi pengambilannya seberapa boleh mencerminkan keadaan rakyat berbilang kaum di negara ini. Oleh itu soalan (a) tidak timbul.
- (b) Tidak benar.

IKAN TALAPIA—KEMATIAN

3. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab sebenar yang mengakibatkan kematian beribu-ribu ikan talapia di tepi Pantai Selat Tebrau Johor baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah pemulihan yang telah diambil atau akan diambil untuk mengelakkan supaya perkara ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kematian ikan talapia yang begitu banyak dijumpai di Pantai Selat Tebrau Johor Bahru pada bulan Jun, 1974 ialah kerana lemas. Ikan talapia adalah ikan air tawar dan perlu menyesuaikan dirinya untuk bernafas apabila bertukar air seumpama tatkala memasuki air laut yang masin. Apabila ikan-ikan itu tidak dapat bernafas dalam air masin maka tentulah ia mati lemas;

- (b) Menurut siasatan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan di Johor Bahru ikan-ikan talapia itu berasal dari sebuah kolam simpanan air yang dibina oleh sebuah negara jiran. Ikan-ikan talapia itu terlepas apabila pintu empangan kolam simpanan air itu dibuka dan dibawa oleh air yang deras masuk ke Selat Tebrau dan akhirnya mati lemas. Pihak berkuasa bagi negara jiran yang berkenaan itu telah diberitahu akan kejadian yang telah berlaku dengan diminta supaya mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian seperti itu berulang pada masa akan datang.

Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman: Soalan tambahan. Apakah jawapan daripada Kerajaan yang berkenaan setelah kita kemukakan perkara ini? Apakah tindakan yang akan diambil?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kita belum lagi dapat tahu apakah tindakan yang diambil. Kita minta janganlah dibuka empangan itu sebagaimana yang telah berlaku. Sungguhpun dia boleh jadi berasa kesal yang perkara itu berlaku, kita minta keriasamanya pada masa akan datang janganlah melepaskan air macam itu supaya jangan berlaku lagi. Itu sahaja yang kita tahu, tetapi apa tindakan yang diambil, belum lagi diketahui. Sebagaimana kita maklum kerosakan Selat Tebrau itupun kita akan bincangkan pada masa akan datang di antara negara kita dengan negara jiran tetangga kita.

JETI TANJONG KLING MELAKA

4. **Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah kerja pembinaan Pelabuhan atau Jeti Tanjong Kling yang telah lama dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka dan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan itu akan dimulakan, dan berapa jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi projek tersebut.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Juru Perunding projek tersebut baharu sahaja selesai menyiapkan laporan rekabentuk dan "layout" kawasan jeti tersebut. Satu jawatankuasa pegawai-pegawai teknik sedang menilai syor-syor laporan tersebut. Anggaran kos atau belanja

pembinaan akan diketahui selepas selesainya latihan penilaian yang sedang dijalankan. Peruntukan sebanyak \$200,000 telah disediakan dalam anggaran tahun ini bagi kerja-kerja permulaan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kalau saya tidak salah, rancangan hendak membuat jeti ini telah lama didengar, dan apakah sebab-sebabnya maka terlalu lambat dilaksanakan?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya pun sedar bahawa perkara ini sudah lama hendak dibina, kerana banyak projek-projek lain, dengan sebab itulah barangkali kurang kakitangan di dalam menjalankan semua projek dengan serta-merta dan kita berharap juga bahawa projek ini dapat disegerakan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu nampaknya saya akan berunding dengan Kementerian yang berkenaan dan diharapkan jeti ini, kalau tidak ada apa aral, oleh kerana harga besi sekarang melambung naik, tetapi dijangka akan siap pada penghujung tahun 1976.

PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI LUAR NEGARA ISLAM

5. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilangan negara-negara Islam yang menyertai Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang telah diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Jun 1974 baru-baru ini, nama-nama wakil daripada tiap-tiap negeri dan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia mengenai persidangan ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Kelima Menteri-menteri Luar Negara Islam yang diadakan di Kuala Lumpur dari 21hb-25hb Jun, 1974 telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada 36 buah negara dan Palestin, diwakili oleh Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO). Semua sekali seramai 209 orang para wakil telah turut serta. Selain daripada negara-negara ahli, satu perwakilan dari Iraq telah hadir sebagai pemerhati dan perwakilan-perwakilan dari Motamar Al-Alam Al-Islami dan Rabitatul-Alam Al-Islami hadir sebagai tetamu. Persidangan itu merupakan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam yang paling ramai dihadiri setakat

ini. Di antara Perwakilan-perwakilan yang hadir 2 perwakilan telah diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, 17 oleh Menteri Luar sementara 9 lagi adalah perwakilan di peringkat menteri.

Berkenaan dengan senarai penuh nama-nama serta taraf para-para wakil dari tiap-tiap negara dan pertubuhan Ahli Yang Berhormat bolehlah dapati daripada Kementerian Luar Negeri samada menulis atau pergi ke Kementerian itu untuk mengambilnya.

Perbelanjaan untuk Persidangan itu adalah ditaksirkan sebanyak \$2½ juta.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan. Bolehkah pihak Kementerian memberi umur tiap-tiap seorang wakil yang dihantar oleh negeri-negeri itu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir Yang Berhormat yang menyoal soalan asal itu berkehendakkan umur.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, adakah negeri-negeri Islam itu beri bantuan yang sama dalam perbelanjaan sebanyak \$2½ juta itu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kita Negeri Malaysia menjemput semua wakil-wakil negara Islam datang ke negara kita sebagai tetamu kita. Kalau tetamu kita, Kerajaan kitalah yang membelanjakan jemputan itu, kalau negeri-negeri lain yang datang itu tidak mahu dikeluarkan perbelanjaannya.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Apakah hasil atau natijahnya daripada persidangan itu yang didapati khusus kepada Malaysia?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Ini tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

GAS—KENAIKAN HARGA

6. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) samada Kerajaan telah memersetujui kenaikan harga gas hingga 50% dan jika ya, kenapa?

- (b) samada kekurangan diesel di seluruh negara disebabkan oleh syarikat-syarikat minyak menahannya dan jika ya, kenapa?
- (c) kenapa Kerajaan telah membenarkan harga diesel dinaikkan sebanyak 8 sen segelen dan menarik balik cukai-tokok sebanyak 4% ke atas diesel yang diimpot dan ini menjadikan harga diesel naik hingga 12 sen segelen dan menyebabkan Kerajaan rugi sebanyak \$3 juta sebagai hasil negara; dan
- (d) harga satu tong minyak mentah yang dijual ke negeri asing dan harga satu tong minyak petrol yang dijual semula ke negeri ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Gas tidak termasuk senarai barang-barang kawalan, dan oleh sebab itu tidaklah perlu bagi syarikat-syarikat minyak mendapat kebenaran daripada Kementerian saya.
- (b) Kekurangan diesel di seluruh negara yang dikatakan itu bukanlah disebabkan oleh syarikat-syarikat minyak menahankan ataupun hoarding tetapi ini berlaku kerana keadaan seperti berikut:

Oleh sebab kawalan harga yang dikenakan kepada petroleum product itu hanya meliputi yang dijual secara bulk contract maka adalah timbul perbezaan di antara harga di pam yang lebih murah daripada harga bulk contract. Jadi orang yang selalu lazimnya membeli keperluan misalnya untuk lori dengan secara contract pada masa itu menggunakan pam-pam stesyen sebagai tempat pembekalan minyak diesel yang dikehendaki oleh mereka. Ini menyebabkan kekurangan di seluruh Malaysia. Di Johor Bahru keadaan lebih hebat kerana pihak-pihak lori yang selalunya mendapatkan bekalan daripada credit note supplier mereka di Singapura kerana diesel berharga lebih murah dahulu pula berpaling kepada pam-pam stesyen di Johor Bahru dan ini menyebabkan kekurangan yang sangat hebat.

- (c) Harga diesel dinaikkan sebanyak 8 sen segelen selepas Kerajaan mendapat jaminan daripada semua syarikat-syarikat minyak untuk menyempurnakan bekalan yang cukup untuk keperluan negara. Harga ini adalah harga yang kita dapat kemudian lebih ekonomik dan realistik. Penarikan-balik cukai tokok sebanyak 8% ke atas diesel yang diimpot tidaklah menyebabkan kenaikan harga 12 sen segelen, malah ini menolong mengurangkan kenaikan harga diesel, dan menggalakkan impot lebih banyak lagi minyak diesel. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, refinery dalam negara ini hanya dapat mengeluarkan sebahagian sahaja keperluan diesel dan kita terpaksa mengimpot dari Singapura dan daripada Bahrain untuk bekalan-bekalan yang lebih.

- (d) Harga posted bagi satu tong minyak mentah yang dijual di negeri-negeri asing ialah US\$11.70 satu tong. Memandangkan bahawa Indonesia telah menaikkan harga minyak mentahnya, maka kemungkinan besar Malaysia yang juga menjual minyak mentah yang sama rupa akan juga menaikkan harga jualannya kepada US\$12.60 satu tong kelak.

Harga satu tong minyak mentah yang diimpot ke dalam Malaysia ini ialah US\$9.50 satu tong. Harga satu tong minyak petrol adalah berlainan mengikut jenis minyak itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan. Memandang kepada galakan yang diberi oleh Kerajaan kepada bermacam-macam perusahaan, bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri menerangkan mengapa perusahaan menapis minyak ini tidak digalakkan di dalam negara kita seperti yang patut dibuat dan sebaliknya kita terpaksa mengimpot begitu banyak minyak daripada penapis-penapis minyak yang ada di Singapura?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya tidak tahu samada boleh menyebutkan galakan atau tidak, tetapi satu perbezaan sikap telahpun diambil oleh Kerajaan terhadap pihak yang menapis minyak dan yang mengimpot minyak iaitu yang mengimpotkan minyak yang sudah ditapis daripada luar

negeri dikenakan cukai lebih dan yang menapisikan minyak dalam negeri ini tidak dikenakan cukai itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada apa yang kita tahu bahawa negara kita sendiri mengeluarkan minyak dan adakah daripada jenis minyak yang kita keluarkan itu termasuk minyak diesel?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya menjual minyak mentah gred yang paling tinggi, low sulphur content ataupun sweet crude dan ini tidak boleh dibuat menjadi diesel, tetapi lebih untung kalau dibuat menjadi minyak-minyak yang lebih ringan lagi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertanyakan minyak yang tinggi mutunya, tetapi daripada jumlah pengeluaran minyak di negara kita ini adakah atau tidak mempunyai jenis diesel yang boleh kita keluarkan?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Adakah yang dimaksudkan ditapis dalam negeri atau yang dikeluarkan? Kalau yang dikeluarkan ialah crude sahaja. Diesel dibuat daripada crude.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kita tidak ada mempunyai jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa kita tidak bersedia untuk menapis minyak dalam negeri kita. Mungkin agaknya akan melibatkan kekurangan pendapatan negara dan oleh kerana itu kita menggalak untuk menghantar dan menjual minyak kita ke luar negeri, kerana dia bermutu tinggi, dan kemudian kita membelinya balik daripada luar negeri itu dengan bentuk yang lain, iaitu setelah diproses dan termasuklah minyak diesel agaknya yang kita gunakan ini ialah kelebihan daripada minyak kita yang diproses di luar negeri dan kita beli balik dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, adakah Kementerian ini sedar bahawa minyak diesel sekarang ini merupakan punca pencarian rakyat, samada besar atau kecil di dalam negara ini yang boleh berhenti dengan serta-merta dengan kekurangan minyak

diesel ini. Kelmarin Yang Berhormat Peguam Negara telah menjelaskan bahawa Kerajaan bercadang pada masa yang akan datang minyak diesel ini dimasukkan di dalam senarai bekalan yang dikawal. Adakah Kementerian ini bercadang sebelum sesuatu penyorokan tetap berlaku lagi di negara kita oleh kerana kelmarin dan hari ini Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa itu tidak masuk kepada makna sorok, sebab dia tidak masuk dalam senarai kawalan. Adakah Kementerian ini bercadang supaya diesel ini dimasukkan di dalam senarai kawalan dan juga gas yang tadi dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, oleh kerana dia tidak masuk dalam kawalan, maka sipenjual atau sipengilang boleh menaikkan harga sesuka hatinya, sedangkan sekarang ini boleh kita katakan di Kuala Lumpur ini hampir 60% menggunakan gas. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang pada saat dan pada waktu yang pendek ini supaya dua perkara yang dimustahakkan oleh rakyat ini dimasukkan ke dalam senarai kawalan?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, banyak benar pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat itu.

Yang pertama, anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa penjualan penapisan minyak kita sendiri dalam Malaysia ini akan memberi kita lebih keuntungan tidak benar, kerana perkara ini lebih sophisticated daripada segi chemical composition of the crude. Misalnya, kalau kita jual minyak kita dengan secara crude masa ini, kita dapat lebih daripada US\$1 kalau dibandingkan dengan harga minyak yang dikeluarkan daripada negeri Arab. Saya baru sebutkan tadi minyak kita dapat dijual \$12.60 dan minyak yang kita beli daripada Middle East menerusi kompeni mengikut bukan posted price atau discount sedikit dapat \$9.60. Ini berarti perbezaan sudah \$3 dan lagi kalau kita tapis minyak kita di sini, maka hasil distillatennya bukan sama dengan rupa distillate yang dikehendaki dalam pasaran kita ini. Distillate yang lebih banyak dapat daripada minyak kita ialah distillate more gas ataupun minyak-minyak yang digunakan untuk motorkar—petroleum walhal dalam pasaran kita ini, our market consideration ialah 17% sahaja daripada market kita yang menggunakan minyak petrol. Kelebihan minyak itu barangkali tidaklah akan dapat diresapi oleh pasaran kita melainkan pasaran

kita mempunyai structure yang lain. Lagipun dalam negeri ini kita berkehendakan kepada minyak-minyak yang lebih berat, misalnya diesel. Diesel dan fuel oil sahaja sudah hampir antara 2/3 sehingga 3/4 daripada minyak yang dikehendaki dalam pasaran kita ini. Minyak ini tidak dapat dikeluarkan dengan lebih baik, dengan lebih murah daripada minyak kita. Minyak yang lebih sesuai untuk d.tapis mendapatkan minyak yang lebih berat seperti pumping oil, fuel oil dan lain-lainnya ialah minyak daripada negeri Timur Tengah dan dibeli dengan lebih murah lagi. Soal processing minyak ini tidaklah boleh disamakan macam soal processing kayu ataupun getah. Jadi anggapan Ahli Yang Berhormat itu adalah salah.

Soal kedua, adakah cadangan bagi Kerajaan hendak mengawal diesel dan gas? Jawapannya, tindakan telah diambil dan perkara ini sedang dikaji oleh sebuah Jawatan Khas yang mengkaji soal-soal barang-barang kawalan di bawah Akta yang dijaga oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Saya sebenarnya tidak menganggap bahawa Kerajaan mencari keuntungan lebih daripada apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi saya fikir samada anggapan itu dipandang sebagai satu anggapan yang salah atau pendapat yang Berhormat Menteri itu mungkin salah—kita tak tahu—sehingga satu penyelidikan ataupun kajian telah dibuat. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sudahkah diadakan satu pengkajian tentang masaalah ini di mana salahnya, silapnya dan bagaimana proses ini ataupun cara yang lebih meluas. Nampaknya, kita akan menjadi satu negara pengeluar minyak pada masa yang akan datang, sebab di pantai-pantai Semenanjung Malaysia telah didapati minyak yang bertambah, begitu juga di pantai Sarawak bertambah. Jadi, kita akan menjadi satu tenaga pengeluar minyak juga dan hasil daripada pengeluaran ini akan membanyakkan pekerja-pekerja di mana mungkin agaknya akan mengurangkan tenaga-tenaga pengangguran. Adakah sudah dibuat atau bercadang hendak membuat satu laporan dan laporan itu dapat dikaji bersama-sama supaya dapat diterima anggapan ini benar atau anggapan ini salah?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya telah bekerja dalam soal ini, selama 2 tahun dan inilah keputusan telah kita ambil selepas menyelidiki dalam soal ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak faham atas jawapan saya tadi, saya mintalah dia baca semula *Hansard* dan cuba fahamkan, dan barangkali akan dapat lebih terang kalau dibaca lagi sekali, kerana perkara ini saya bukan kata senang hendak difahamkan, ini hendak faham sedikit soal petrol chemistry. Kalau tak faham ini ada sakit sedikit dan saya sendiri pun rasa susah dahulu hendak fahamkan soal ini. Jawapan saya tadi telah berasas kepada kajian-kajian yang telah kita buat dan kita cuba hendak belajar. Saya tak mahu mengulangkan cerita saya, lebih elok dibaca lagi *Hansard*.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkan Yang Berhormat Menteri menghilangkan keraguan saya tentang satu cerita ataupun berita yang mengatakan pihak Kementerian yang berkenaan telah berusaha mengadakan satu penapis minyak untuk menapis minyak-minyak mentah keluaran tempatan kita sendiri, tetapi malangnya enjin-enjin atau alat-alat itu tidak sesuai dengan crude oil kita kerana sulphurnya terlalu tinggi. Dengan demikian menjadi salah satu daripada sebabnya kita jualkan crude oil itu selain daripada proses tadi. Adakah ini benar.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat itu faham betul-betul atas soalan ini? Kita tahu refinery atau penapis minyak kita di Malaysia Barat ini dibuat semasa belum ada sumber minyak diketahui dalam Malaysia ini dan refinery itu dibuat khas untuk minyak-minyak yang berat dan mempunyai sulphur. Bagi rekabentuk penapis itu hendak digunakan untuk menapis minyak daripada Sarawak adalah akan merugikan. Jadi kata Ahli Yang Berhormat itu adalah benar belaka.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini lagi satu keraguan iaitu oleh kerana Kerajaan kita tidak mahu menia-siakan alat-alat penapis tadi samada dibeli dengan silap atau dibeli belum kita mengeluarkan minyak, maka kita mengimpot minyak-minyak yang tertentu dengan perkiraan kepada pihak yang kita bawa minyak

itu untuk consumption negeri kita. Akan tetapi, apabila minyak itu datang ke Malaysia kita proses, kita menggunakan hanya 40% sahaja dan 60% kita jual kepada negeri lainlah, samada negeri jiran tetangga atau negeri lain. Dengan demikian, negeri-negeri yang eksport itu tidak berapa seronok dengan dealing kita, ini menjadi satu sebab maka harga minyak naik. Adakah kenyataan ini benar?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi bahawa refinery kita memang tidak sesuai dengan minyak keluaran kita dalam negeri ini, tetapi ini bukan sebabnya maka kita tidak menggalakkan kegunaan minyak kita sendiri di dalam Malaysia ini, sebab yang paling penting ialah bentuk pasaran kita ini menggunakan jenis distilate yang lebih berat dan yang hanya dapat dikeluarkan cukup banyak oleh minyak daripada negeri-negeri Arab. Minyak kita sendiri tak dapat mengeluarkan distilate yang berat demikian. Kalau hari ini kita hendak membuatkan sebuah refinery baharu khas untuk pasaran di Malaysia, kita terpaksa berbuat seperti yang ada sekarang ini. Minyak kita hanya dapat digunakan sebagai blenders iaitu campuran untuk membersihkan dan mengurangkan isi belerangnya sahaja.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya suka hendak menambah penerangan lagi supaya Yang Berhormat itu tidak berkeliru. Kilang yang ada di dalam negara ini bukan dimiliki oleh Kerajaan. Dua kilang penapis minyak iaitu Esso dan Shell itu dipunyai oleh Syarikat perdagangan. Kerajaan tidak ada kilang sendiri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah terang, apabila diberi penerangan ini kabur balik (*Ketawa*). Jadi, yang saya maksudkan apabila kita sebut kita itu tidaklah mesti public sector, private sector pun kita sebut kita juga. Apa yang saya hendak tahu ialah kalau sudah benar bahawa refinery ini dibuat di zaman yang kita belum mengeluarkan crude oil, dengan demikian alat-alat itu kurang sesuai atau tidak sesuai untuk memproses minyak. Ada lagi satu cerita yang berbangkit iaitu kita tidak mahu mensesiakan alat ini, dengan demikian kita impot crude oil dari luar-negeri. Kita memberitahu exporters itu kita hendak menggunakan sendiri minyak itu, tiba-tiba sampai di sini kita proses, kita

gunakan 40% yang 60% lagi kita jual. Dengan itu kita boleh dapat foreign exchange sedangkan negeri exporter sendiri boleh menghantar secara direct. Adakah yang saya bertanya ini benar, bukan masalah Esso ataupun Shell.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Ini bukanlah amalan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi refinery capacity dalam Malaysia ini belum cukup untuk keperluan kita sendiri, dan langkah telah diambil untuk menggalakkan supaya lebih banyak lagi syarikat membuat refinery. Tetapi soal membuat refinery ini adalah soal yang sukar untuk mengikut tujuan yang tertentu yang kita ingin hendak capai. Sebuah daripada syarikat yang mempunyai penapis sekarang ini sedang menjalankan expansion programme, membesarkan refinery-nya. Kalau kita hendak buat sebuah refinery baharu mengikut kiraan costs economics yang paling akhir tidak baik bagi kita hendak membuat refinery kurang capacity-nya dari 100,000 tong sehari. Kalau kurang akan mungkin lebih memahalkan harga minyak dalam negeri kita ini, atau kalau dieksport kurang laku dan ini mungkin merugikan. Jadi kalau kita terpaksa memikir satu scale yang besar seperti 100,000 tong satu hari, maka keperluan di dalam Malaysia belum sampai. Jadi kita mestilah memikirkan apa yang patut kita gunakan refinery itu adakah untuk mengeluarkan petroleum product sahaja atau adakah kita hendak mengeluarkan barang-barang lain hendak crack further the production supaya pengeluaran petrol-chemical. Ini perkara yang sangat rumit dan kita sedang berunding dengan Kerajaan Italy untuk menyelidiki masaalah ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya rasa soalan saya tadi tidak berjawab. Apa yang saya hendak tahu ialah alat penapis kita ini kita tidak mahu sesiakan dan kita hendak menggunakannya, tetapi minyak untuk diproses tidak sesuai. Jadi kita impot dari luar negeri. Dalam satu buku yang saya baca, saya tidak bawa, dan kalau hendak boleh saya bawa, besok statement di dalam buku itu mengatakan Esso Malaysia yang paling banyak bawa minyak ke sini, dengan perjanjian minyak itu untuk digunakan di Malaysia, tetapi 40% digunakan di sini dan 60% dijual di luar atas nama Malaysia. Itu yang saya hendak tanya, betul atau tidak, sebab kenyataan itu ada dalam buku itu.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soal minyak mentah saya akan jawab. Kalau berkenaan dengan petroleum product yang sudah ditapis, refinery sekarang ini tidak cukup seperti saya kata tadi untuk menampung keperluan kita sendiri, jangan hendak diekspot. Kalau crude oil Esso mengimpot minyaknya kepada Malaysia ini secara 2 cara; satu, cara langsung untuk refinery di Port Dickson; dua, kepada Singapura supaya dapat ditapisikan di Singapura dan barang-barang tapisnya diimpot masuk dalam Malaysia. Saya sendiri tidak ada keterangan bahawa Esso ada mengguna nama Malaysia untuk mengimpotkan minyak dari Saudi Arabia supaya hanya 40% diberi kepada Malaysia dan 60% untuk diekspot. Ini saya tidak ada keterangan. Kerana sejauh yang saya tahu minyak yang diimpot direct daripada Saudi Arabia ke sini digunakan penuh oleh Malaysia dan yang diekspot ke Singapura itu atas nama Singapura, bukan atas nama Malaysia.

IKAN AIR TAWAR

7. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan berapa banyak ikan yang telah diberi kepada rakyat untuk dibiakkan dan tempat-tempat di mana ikan-ikan ini dibiakkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, rancangan menggalakkan pemelihara ikan air tawar dilancarkan beberapa tahun di negeri ini. Di bawah rancangan ini Jabatan Perikanan memberi nasihat kepada bakal penternak cara menyediakan kolam-kolam untuk memelihara ikan dan memberi bantuan bekalan anak-anak ikan yang akan dipelihara bersama-sama dengan bekalan baja untuk makanannya sementara membesar. Dalam tahun 1973 sebanyak 2,977,030 ekor benih ikan telah dibahagi-bahagikan di semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Jabatan Perikanan memelihara baka ikan untuk pengeluaran benih yang disebarkan kepada penternak-penternak itu ialah di:

- (1) Bukit Tinggi, Bentong, Pahang;
- (2) Enggor, Kuala Kangsar, Perak;
- (3) Tapah, Perak;
- (4) Machang, Kelantan;
- (5) Tanah Rata, Cameron Highlands.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Pertanian dan Perikanan dalam masa ini membiakkan anak-anak ikan ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk ikan jelawat? Sebab pada masa sekarang harga ikan jelawat ini harganya tinggi—\$35 sekati di Hongkong, dan di tempat untuk mendapat ikan jelawat ini pun sudah memakan belanja hampir \$15 sekati. Adakah Kerajaan dalam masa membiakkan ikan ini termasuk ikan jelawat dalam bilangan banyak ekor ikan yang telah dibiakkan sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, saya tahu tidak ada benih ikan jelawat diberi kerana bukan senang hendak mendapatkan benih ikan jelawat. Masa ini sedang dikaji saya tidak tahulah. Benih ikan-ikan itu tidak ada diberi.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Saya bersetujulah dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Peguam Negara, cuma saya harap apa yang saya hendak tanyakan ini boleh disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan bercadang hendak membiakkan baka ikan jelawat ini, kerana ini pun satu sumber kewangan kepada rakyat di luar bandar. Jika tidak ada usaha benih ikan jelawat ini akan mati, oleh sebab harganya tinggi, seekor yang beratnya, lima-enam kati harganya hampir \$100.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya akan sampaikan, Tuan Yang di-Pertua, supaya penyelidikan dibuat. Kita tahu bagaimana susahanya hendak membela ikan jelawat itu sebab harganya mahal.

SAMSU—MATI AKIBAT MINUM

8. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) bilangan orang-orang yang mati akibat minum samsu beracun baru-baru ini di Rahang, Negri Sembilan; dan
- (ii) apakah sebab sebenar kematian ini mengikut laporan doktor.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Bilangan orang-orang yang mati akibat minum samsu haram yang beracun itu ialah 4 orang.
- (ii) Mengikut Pemeriksaan pembedahan mayat sebab kematian adalah kerana samsu beracun "Methyle".

NYAMUK DENGGI

9. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada menjadi dasar Kerajaan bahawa Jabatan Anti-Malaria bertanggungjawab menyembur ubat memusnah nyamuk denggi; dan
- (b) kenapakah jarang-jarang dijumpai pekerja-pekerja Jabatan ini bertugas di bandar-bandar.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bukanlah menjadi tanggungjawab pekerja-pekerja anti-malaria menyembur ubat serangga memusnah nyamuk Aedes. Walau bagaimanapun, dalam masa-masa kecemasan, pekerja-pekerja anti-malaria boleh juga ditugaskan dalam kerja kawalan anti nyamuk Aedes.
- (b) Pekerja-pekerja Kawalan Malaria tidak bekerja di tengah-tengah bandar di mana tidak ada nyamuk tiruk pembawa penyakit demam malaria. Kalau ada nyamuk dalam bandar itu nyamuk baik, tak bawa penyakit, mereka bekerja di pinggir-pinggir bandar di mana ada nyamuk tiruk (anopheles) boleh membiak di luar-bandar dan itulah sebabnya mengapa pekerja-pekerja itu tidak kelihatan oleh orang ramai di bandar-bandar.

PEMBACA METER JABATAN KERJA RAYA/LEMBAGA LETRIK NEGARA

10. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) samada tanggungjawab pembaca-pembaca meter Jabatan Kerja Raya dengan Lembaga Letrik Negara ini sama, jika tidak, mengapa; dan

- (b) samada benar tanggungjawab pembaca-pembaca meter di Jabatan Kerja Raya di antara satu negeri dengan satu negeri itu tidak sama, dan jika ya, mengapa.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tugas-tugas dan kerja-kerja pembaca meter di Jabatan Kerja Raya dan pembaca-pembaca meter di Lembaga Letrik Negara tidak boleh dikatakan sama, lain meter lain cara kerjanya (*Ketawa*);
- (b) tugas-tugas dan tanggungjawab pembaca-pembaca meter di Jabatan Kerja Raya pada dasarnya adalah sama di seluruh Semenanjung Malaysia, meskipun di Melaka dan Pulau Pinang pembaca-pembaca meter adalah di bawah Lembaga Air yang berasingan. Oleh sebab di Melaka dan di Pulau Pinang ada Lembaga Air, maka gaji pembaca meter tidak sama dengan yang bekerja dengan Kerajaan.

ROGOL—JEL SEUMUR HIDUP

11. Dr Lim Ah Sitt minta Peguam Negara menyatakan bahawa memandangkan betapa serius masalah rogol dan bertambahnya kes-kes rogol yang berlaku dalam masyarakat kita, adakah Menteri menimbang akan mengambil langkah yang positif untuk menjamin bahawa setiap kes rogol khususnya yang melibatkan perempuan-perempuan belum berkahwin maka hukuman maksima yang dikenakan hendaklah penjara seumur hidup dan sebatang rotan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, memang telah ada peruntukan dalam undang-undang yang ada sekarang bagi mengenakan hukuman jel seumur hidup dan rotan atas seorang yang melakukan kesalahan rogol ataupun hukuman penjara hingga 10 tahun dan boleh juga didenda.

PEJABAT PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA MOTOR MELAKA

12. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan ada apa-apa rancangan untuk membina sebuah pejabat baru Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor di Negeri

Melaka bagi menggantikan pejabat lama yang sangat sempit seperti yang ada pada masa sekarang. Jika ada, bilakah kerja pembinaan pejabat tersebut akan dimulakan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengatitkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-1976-1980 untuk membina sebuah bangunan baru bagi Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Melaka untuk menggantikan pejabat yang ada pada masa sekarang ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE PEKING

13. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Perjanjian-perjanjian ekonomik, kebudayaan dan pelajaran yang telah dicapai antara negara kita dengan Kerajaan Republik Rakyat Cina semasa lawatan rasmi beliau ke Peking baru-baru ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang perjanjian ekonomi, kebudayaan dan pelajaran yang telah dibuat antara Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat Cina semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Peking. Bukanlah tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan perjanjian seperti itu dalam masa lawatan yang telah dibuat itu.

PERSIDANGAN ISLAM— PERTUNJUKAN TARI-MENARI

14. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bilangan majlis jamuan yang telah diadakan untuk merai wakil-wakil ke persidangan Islam yang diadakan dalam bulan Jun 1974 di mana pertunjukan tari-menari diadakan; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa setengah-setengah wakil yang turut menari joget dengan orang-orang Malaysia.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pertunjukan tari-menari telah diadakan di dalam tiga majlis jamuan meraikan para wakil yang menghadiri persidangan Islam itu.

(b) Menteri Luar Negeri tidak mengetahui mengenai perkara yang dikedemukakan di dalam bahagian dua pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula Kerajaan boleh tidak sedar, sebab dalam Talivisyen ada (*Ketawa*). Saya tengok.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan ini Yang Berhormat Menteri sendiri tidak tahu. Boleh jadi Yang Berhormat nampak (*Ketawa*). Masa itu Yang Berhormat Menteri tidak tengok. Kalau adapun Yang Berhormat nampak itu jawabannya, apa ada lain lagi daripada itu. Misalnya, betullah perkara itu ada berlaku yang tidak diketahui oleh Yang Berhormat Menteri Luar, kita mengaku ada tari-menari. Kalau ada nampak beullah (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Yang Berhormat Peguam Negara kita ini pandai betul bercakap. Saya hendak tahu sedikit sahaja: soalan saya minta Menteri Luar Negeri bukanlah bermakna diri dia sendiri, sebab pertanyaan ini kita tujukan kepadanya kerana urusan luar negeri, yang saya maksudkan Kerajaan. Saya hendak tahu sedar atau tidak, kalau Peguam Negara tidak sedar tidak patut sebab semua Kementerian dia seorang sahaja yang menjawab dalam Dewan ini hari ini dia boleh tahu, yang ini dia tidak boleh tahu. Saya hendak minta penjelasan perkara itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya berada di luar negeri, saya baharu balik. Hari ini saya dapat surat untuk menjawab. Selama Muktamar Islam diadakan saya berada di luar negeri, jadi saya tidak ada, bagi diri saya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, masalah diri tidak berbangkit di sini, masalah wakil Kerajaan atas nama Kerajaan. Saya bertanya sebab ada berita sampai kepada saya, ada satu daripada majlis itu daripada pukul 8.30 malam sampai 12.30 malam—menari sahaja. Pada esoknya tidak dapat dirumuskan fasal Islam, sebab letih kerana menari semalam (*Ketawa*). Inilah saya hendak tahu, jadi sekurang-kurangnya untuk Ahli-ahli

Yang Berhormat yang lainpun dapat tahu, dan saya pun dapat bahan banyak untuk menyelesaikan buku saya (*Ketawa*).

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya mengatakan Kerajaan tidak mengetahui perkara itu berlaku.

TEKSI—PENUMPANG/TAMBANG

15. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bila Kerajaan akan menghalalkan lima orang penumpang dibawa dalam sesebuah teksi;
- (b) bila Kerajaan akan membenarkan tambang teksi dinaikkan memandangkan kenaikan harga minyak diesel; dan
- (c) adakah Kerajaan akan mengeluarkan sebuah lesen teksi untuk Kampong Baru Kuang, Chemor, Perak yang mempunyai penduduk seramai 5,000 orang.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara ini sedang dikaji dan satu ketetapan akan diumumkan secepat mungkin selepas sahaja pengkajian itu selesai.
- (b) Perkara ini masih dalam pertimbangan, tetapi yang saya tahu baharu-baharu ini telah dapat dipersetujui iaitu dinaikkan 10 sen pada batu yang pertama.
- (c) Pada masa ini ada sebuah kereta sewa yang berkhidmat di Kampong Baru Kuala Kuang, Chemor, Perak. Untuk mengadakan perkhidmatan kereta sewa di sesebuah kampung. Lembaga Penasihat Kereta-kereta Sewa/Teksi Negeri mengemukakan cadangannya ke Kementerian ini, pengeluaran lesen-lesen teksi/kereta sewa di satu-satu tempat dikeluarkan atau ditambah adalah berdasarkan kepada cadangan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat Negeri yang berkenaan. Kementerian bolehlah menimbangkan permintaan-permintaan mereka itu.

KENDERAAN MOTOR— KEMALANGAN

16. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan kes-kes kemalangan kenderaan-kenderaan motor dalam tahun 1973 dan 1974; berapa banyak kematian yang terlibat di bawah kategori yang berikut:

- (a) lori;
- (b) bas;
- (c) teksi;
- (d) bas-sekolah;
- (e) motokar persendirian;
- (f) motosikal; dan
- (g) teksi sapu dan lain-lain.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kemalangan—

1973 ...	41,648
1974 ...	24,856 (setakat bulan Jun)

Bilangan kematian yang terlibat di bawah kategori yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

	1973	1974
	(Setakat bulan Jun)	
(a) Lori	248	134
(b) Bas	50	41
(c) Teksi	92	34
(d) Bas Sekolah	16	15
(e) Motokar persendirian	541	304
(f) Motosikal	561	333
(g) Teksi sapu dan lain-lain	5	4

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN DAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.20 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan pindaan yang dicadangkan ialah seperti berikut:

- (a) Memindahkan kuasa-kuasa pentadbiran dan pendaftaran Koperatif Nelayan daripada Ordinan Syarikat-syarikat Kerjasama, Malaya, Sabah dan Sarawak masing-masing kepada Akta Persatuan Nelayan, 1971;
- (b) Melantik Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sebagai Pendaftar kedua-dua Pertubuhan Nelayan tersebut;
- (c) Penubuhan Koperatif yang baru yang berasaskan perikanan mengikut kuat-kuasa Ordinan Syarikat Kerjasama, Malaya, Sabah dan Sarawak tidak diteruskan;
- (d) Meletakkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuasa-kuasa penyeliaan keseluruhannya ke atas semua Persatuan Nelayan yang akan termasuk jua Koperatif Nelayan.

Kementerian Pertanian dan Perikanan telah menjalankan beberapa usaha untuk mengatasi beberapa masalah untuk memodenkan perusahaan ini termasuk soal penggembeling tenaga dan sistem pemasaran yang banyak diuruskan oleh orang-tengah. Langkah-langkah yang terbesar ialah menubuhkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Ikan Malaysia yang menjalankan aktiviti-aktiviti memajukan lagi perusahaan perikanan khususnya ditujukan untuk menolong golongan nelayan tradisi ini. Umpamanya, mengadakan bot-bot dan alat menangkap ikan untuk mengatasi kekurangan modal, mengadakan peraturan-peraturan pengawalan pemasaran dan kilang airbatu untuk memberi harga yang berpatutan kepada nelayan dan lain-lain juga.

Di bidang penggembelingan tenaga nelayan, Kementerian Pertanian dan Perikanan telah menggalakkan penubuhan Pertubuhan-pertubuhan Nelayan yang menyatupadukan usaha dan tenaga mereka supaya boleh memajukan diri dan perusahaan mereka dengan cara perkongsian. Pertubuhan-pertubuhan Nelayan ini ialah Koperatif Nelayan yang ditubuhkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama, 1956 dan Persatuan Nelayan yang ditubuhkan dengan kuatkuasa Akta Persatuan Nelayan, 1971. Sehingga akhir tahun 1972 terdapat 53 buah Koperatif

Nelayan di seluruh Malaysia dan sebanyak 24 buah Persatuan Nelayan telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Perbincangan untuk mencapai kata sepakat telah diadakan antara pihak-pihak yang berkenaan dan kaum nelayan sendiri melalui pergabungan dan menubuhkan pertalian yang terus dengan Lembaga Kemajuan Perusahaan Ikan Malaysia. Penggembelingan tenaga, modal dan usaha oleh ketiga-tiga badan ini akan ditumpukan bagi mengadakan persefahaman dan kerjasama dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan dengan lebih berkesan lagi. Bidang yang diberikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan membolehkan pertubuhan-pertubuhan nelayan itu memikirkan projek perikanan yang besar-besaran dan bercorak commercial dengan cara perancangan untuk mendapat keuntungan dan faedah yang maksima.

Saya sendiri berasa penuh yakin dengan pergabungan ini akan menghasilkan satu kejayaan yang cemerlang dalam usaha-usaha untuk memajukan dan memodenkan sektor perikanan di negara kita ini. Dengan pergabungan ini juga akan dapat menyelaras dan memudahkan kerja-kerja untuk memberi bantuan subsidi kepada perusahaan perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Lau Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

3.28 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang (Pindaan) ini oleh kerana di masa saya berkhidmat dengan Kerajaan, saya masih ingat lagi satu kerumitan yang besar telah berlaku di dalam Pertubuhan-pertubuhan Nelayan oleh kerana mereka itu misti didaftarkan di bawah Koperatif Syarikat Kerjasama sedangkan mereka mempunyai Undang-undang sendiri. Jadi, Syarikat-syarikat Kerjasama telah hidup dahulu dan well-established. Tiba-tiba kita buat

pula satu Undang-undang dan banyak kerumitan telah berlaku. Dengan dikemukakan Rang Undang-undang ini, alhamdulillah, kita harap dapat menyelesaikan masalah-masalah itu. Tetapi ada satu perkara, yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri, malangnya, tidak ada di sini. Sungguhpun Peguam Negara akan menjawab dari segi undang-undang sahaja, tetapi dari segi kedudukannya payah sedikit.

Kalau sekiranya Peguam Negara ataupun Tuan Yang di-Pertua rasa ini satu kepentingan negara kita, tidak payah disebut, saya boleh berhenti, tetapi tolong bagi timingnya, boleh atau tidak, iaitu dalam sebuah negeri seperti Negeri Perlis Persatuan ini digalakkan supaya membeli bot-bot, berhutanglah orang-orang ini kesemuanya, beli Pukat Tunda. Pukat tunda ini rupanya dari segi undang-undang kita haram, tak boleh dibeli sedangkan Persatuan ini sudah beli dengan kempen di waktu hendak menubuhkan persatuan dan sekarang ini orang-orang yang beli itu mengaku terang-terang tidak kurang daripada 80 buah bot, selalu kena tangkap, kena denda antara S200 dan S300 pada satu-satu kali kena tangkap. Entah berapa kali kena tangkap saya pun tidak tahu. Pada satu masa melawatlah Yang Berhormat Menteri dan pada masa itu Setiausaha Parlimennya melawat ke tempat itu, hairan bagaimana persatuan nelayan ini boleh berani beli Pukat Tunda ini yang merupakan Pukat Harimau yang haram dari segi undang-undang. Bagaimana dia berani beli? Saya sendiri hadir dalam satu mesyuarat persatuan itu. Persatuan ini menceritakan iaitu jaminan daripada Menteri Besar maka pada hari itu juga satu masa yang lain bertemulah antara Menteri, Setiausaha Parlimen dan Menteri Besar dan Menteri Besar ini menjawab memanglah. Kalau tidak buat begitu hari itu kita tidak dapat undi.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang besar, sedang mengikut undang-undang kita tidak ada lagi diberi pukat yang semacam itu di Pantai Barat. Kalau diberi di Perlis mesti sampai ke Lumut. Masalah yang ada di hadapan kita apakah sekarang ini kita hendak buat kepada tuan punya yang membeli pukat-pukat yang dari segi undang-undang haram, tetapi mereka itu membeli dengan digalakkan oleh penaja-penaja yang hendak membuat persatuan tadi. Inilah satu masalah, yang boleh jadi issue yang sensitive

di dalam pilihanraya ini. Saya menyebutkan issue ini bukanlah bermakna saya hendak menggunakannya sebab saya tidak akan bertanding langsung dalam kawasan itu. Saya tentu bertanding di kawasan yang saya rasa saya boleh menang; di Kuala itu saya tidak bertanding, tetapi masalahnya rakyat sudah beli 80 buah bot, yang mereka itu penuh harapan Kerajaan boleh menolong. Tiba-tiba Kerajaan tidak boleh menolong dan mungkin ada banyak dari itu lagi yang tidak berani hendak menyatakan nama. Saya rasa dengan adanya Akta ini bukan sahaja Akta ini dipinda, dibuat dari segi undang-undang maka masalah yang ada ini pun dapat kita selesaikan dan ini adalah amanah daripada pihak itu bagi saya menyampaikan dan dua, tiga hari lagi saya balik, saya akan kemukakan apa yang Kerajaan jawab dalam Dewan yang mulia ini.

3.34 *ptg.*

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik benar dengan Rang Undang-undang yang baharu digubah ini oleh kerana saya sedar bahawa pihak Kerajaan mengubah undang-undang ini ialah supaya dapat menolong nelayan-nelayan.

Dalam undang-undang ini dan dalam percakapan biasa perkataan "nelayan-nelayan" ini digunakan seolah-olah nelayan-nelayan ini adalah orang-orang yang terlibat, iaitu siapa juga yang terlibat dalam perusahaan menangkap ikan. Tetapi di dalam perusahaan menangkap ikan ini seperti juga di dalam perusahaan-perusahaan yang lain bukan semua orang-orang yang terlibat itu menjadi orang yang merupakan majikan, tetapi ada pula di antara mereka yang merupakan pekerja semata-mata dan mereka ini tidak ada satu usaha yang ditumpukan supaya mempertahankan hak mereka ini. Kalau kita perhatikan di dalam perusahaan-perusahaan yang lain maka pekerja-pekerja dapat menyusun diri mereka di dalam persatuan-persatuan ataupun kesatuan-kesatuan sekerja dan melalui kesatuan-kesatuan sekerja ini maka dapatlah mereka mempertahankan hak mereka, tetapi di antara nelayan-nelayan, bila kita bercakap berkenaan nelayan-nelayan, kita menganggap orang yang bekerja sebagai pekerja, sebagai nelayan dan orang yang berusaha sebagai pengusaha ataupun majikan juga ditafsirkan

sebagai nelayan-nelayan. Oleh sebab itu maka orang-orang yang cuma makan gaji, yang bekerja sebagai buruh di dalam perusahaan ini tidaklah ada satu badan yang bertugas untuk mempertahankan nasib mereka.

Saya percaya dengan adanya undang-undang ini maka akan tertubuh lebih banyak badan-badan kerjasama yang mana badan-badan ini sebenarnya merupakan majikan yang akan mengambil pekerja-pekerja walaupun pekerja-pekerja yang diambil ini boleh jadi akan menjadi ahli di dalam syarikat itu. Oleh kerana mereka menjadi ahli maka kedudukan mereka tidaklah dapat ditafsir dengan secara yang tepat, iaitu mereka sambil menjadi pekerja juga menjadi majikan dan dalam keadaan yang semacam itu mereka tidaklah dapat mempertahankan hak mereka di dalam badan-badan kerjasama ini. Kalau mereka mogok umpamanya maka mereka juga mengalami kerugian, tetapi kadang-kadang mereka tidak dapat pendapatan yang mencukupi walaupun ini adalah perusahaan yang dipunyai oleh mereka sendiri. Dalam keadaan yang semacam ini maka nasib-nasib nelayan-nelayan yang mendapat pendapatan yang kecil kerana mereka semata-mata bekerja di dalam perusahaan ini tidaklah begitu baik kalau dibandingkan dengan pekerja-pekerja di dalam perusahaan-perusahaan yang lain. Apa yang saya berharap di dalam usaha menolong nelayan-nelayan ini ialah lebih banyak perhatian ditumpukan kepada orang-orang yang bekerja di dalam bot-bot ini supaya mereka dapat perolehan yang seimbang dengan usaha yang dijalankan oleh mereka.

Sebenarnya tanggungjawab mereka adalah besar dan mereka menghadapi bermacam-macam cubaan apabila mereka menangkap ikan di laut. Setengah daripada mereka mati oleh kerana bot tenggelam. Kadang-kadang pula bot-bot ini diserang oleh lanun-lanun yang ada di sebelah Pantai Barat dekat dengan Perlis dan Langkawi. Mereka sentiasa menyerah nasib mereka kepada apa yang mereka boleh dapat daripada laut ini, tetapi sebaliknya masa depan mereka tidaklah terjamin dan pendapatan mereka juga tidak terjamin.

Kalau pihak Kerajaan betul-betul ingin menolong kaum ini maka patutlah pihak Kerajaan berusaha supaya sebarang pertolongan secara sosial seperti SOCSO dan sebagainya dapat dibawa ke kalangan

nelayan-nelayan ini dan mereka juga dapat menubuhkan persatuan-persatuan sekerja mereka supaya mereka dapat menjamin kehidupan mereka, terutamanya di waktu-waktu yang mana bot-bot mereka tidak dapat pergi ke laut, yang mana orang-orang ini selalu menghadapi kesulitan yang amat sangat kerana tidak ada punca pendapatan sama sekali. Inilah harapan saya kepada Kerajaan dan saya harap perkara ini dapat pertimbangan daripada pihak Kerajaan.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.39 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dan menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara sebentar tadi dan sukaiah saya menarik perhatian berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, iaitu bersangkutan dengan nelayan-nelayan ini; terutama sekali sebagaimana yang telah kita dengar daripada saudara kita Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah yang telah menyatakan keadaan kedudukannya nelayan di Kuala Perlis, di Negeri Perlis.

Sebenarnya perkara ini saya juga telah mengikuti beberapa perjumpaan yang mana pada mulanya apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi bahawa perkara ini ada kaitannya dengan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Perlis.

Yang Berhormat Datuk Menteri Besar Perlis sungguhpun telah berjumpa dengan nelayan-nelayan ini meminta supaya membuat syarikat-syarikat serta persatuan-persatuan untuk mendapatkan lesen-lesen, walaupun begitu lesen-lesen ini bukanlah kuasa Kerajaan Negeri, dengan kuasa daripada Kerajaan Pusat yang mengeluarkan, tetapi sungguhpun begitu yang mana lesen-lesen ini ada yang telah pun dibenarkan kepada persatuan-persatuan juga kepada syarikat-syarikat ini. Tetapi kerana adanya dua badan ini maka dengan nasihat Yang Amat Berhormat Datuk supaya kedua-dua ini dapat disatukan dan kedudukan atas pemohon-pemohon ini hendaklah sebenarnya diusahakan oleh bumiputra kerana Yang Berhormat saudara saya tadi baru sahaja balik ke Perlis dan ada kemungkinan besar akan bertanding dalam pilihanraya ini, tetapi atas apa yang telah diterangkan tadi

memanglah ada daripada bot-bot yang telah dibeli atau pun pukot sebagaimana yang telah diterangkan tadi, tetapi perkara ini saya telah kemukakan kepada Penolong Pengarah di Kementerian yang berkenaan pada masa ucapan saya di dalam Dewan ini pada masa yang telah lalu ada saya bangkitkan dalam masalah ini, tetapi setelah diterangkan oleh Kementerian ini bahawa minta dihalusi dan disiasat dengan sebenarnya kedudukan yang sebenarnya kepada nelayan-nelayan ini adakah sebenar bumiputra yang berusaha dalam usaha ini ataupun ada kaitan-kaitan atau adanya di belakang tiap-tiap pihak yang lain. Maka di dalam perkara inilah ditangguhkan buat sementara dalam soal ini dan di dalam siasatan pada masa ini.

Tetapi di dalam Bil ini, saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian ini yang mana di dalam Persatuan Nelayan, Syarikat Nelayan, Lembaga Kemajuan Ikan ini telahpun dapat disatukan dijadikan satu badan yang mana kita tahu yang mempunyai beberapa badan yang sebegini pada masa yang telah lalu yang berbangkit dalam Syarikat Kerjasama Kampung dengan Persatuan Peladang pada masa dahulu yang didokongi oleh dua badan yang berasingan dan bermacam-macam berbangkit perlumbaan diantara satu sama lain. Dengan keadaan penyatuan yang telah dibuat di dalam kedua-dua badan ini maka kita percaya pada masa ini perjalanan Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama tersangat baik pada masa ini dan kita berharaplah di dalam penyatuan ketiga-tiga badan ini dengan satu penyatuan maka keadaan dan jaminan kepada nelayan-nelayan lebih dapat memuaskan pada masa yang akan datang. Walau bagaimanapun saya berharaplah perjalanan ini tidak akan tempang sebagaimana yang telah lalu. Kita tahu bahawa Persatuan Nelayan pada masa hendak menubuhkan satu syarikat Nelayan pada masa dahulu bila hendak ditubuhkan tidak sama, kadang-kadangnya Syarikat Nelayan ini berkehendakkan kepada 50 ahli baru boleh ditubuhkan, dan Syarikat Kerjasama Nelayan pula kena 50 ahli lebih, jadi tidak sama keadaan-keadaannya. Maka itulah sebabnya berlawanan di antara satu sama lain, tetapi tujuannya adalah untuk meninggikan taraf dan kedudukan nelayan-nelayan di tempat masing-masing.

Berkenaan dengan bantuan subsidi yang diberi oleh Kerajaan memang tidak sama diberi pada masa yang telah lalu di antara satu sama lain. Kita berharap dengan adanya penyatuan ini diantara ketiga-tiga badan dijadikan satu, maka kita percaya saluran-saluran yang seumpama ini dan segala-galanya dapat diatasi, dan saya berharap perkara-perkara yang utama sekali di dalam nelayan ini walaupun kita memberi beberapa bantuan berkenaan dengan bantuan bangunan kaum-kaum nelayan, begitu juga bot-bot yang kita berikan pinjaman ataupun kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan perkara-perkara ini, tetapi terutama sekali berkenaan dengan pemasaran. Pemasaran ini adalah yang utama sekali, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara-perkara seumpama bantuan yang kita beri bukanlah kita tidak berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memberi bantuan ini, tetapi yang kita berharap ialah berkenaan dengan pemasaran atas pendapatan-pendapatan sepertimana ikan-ikan yang dapat itu dapat ditetapkan harga-harga yang tidak dapat dimainkan oleh pihak orang-orang tengah yang menjatuhkan harga-harga ataupun pada masa-masa yang pendapatan yang lebih daripada satu masa ke satu masa dan ikan-ikan dapat banyak seumpama kejadian di Negeri Perlis baru-baru ini di dalam minggu yang lalu yang mana terdapat beberapa buah bot lebih kurang dalam 10 bot yang telah mendapat ikan-ikan yang besar iaitu ikan belukang yang berlebihan daripada hadnya, penuh sarat sampai kesepuluh bot itu dan manakala telah dipunggah, jadi beratus-ratus tan ikan pada satu hari yang dapat, tetapi malangnya keadaan saya sebutkan tadi berkenaan dengan pemasaran, maka keadaan inilah yang mendukacitakan kepada nelayan-nelayan ini tadi kerana harga-harganya pada masa itu telah dimainkan oleh pihak-pihak orang tengah kerana tidak ada jaminan daripada pihak yang berkenaan. Saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini dengan penyatuan ini, maka kita berharap kepada pihak yang berkenaan terutama kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengawasi di atas pemasaran ikan-ikan daripada nelayan ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya beri penerangan dalam Dewan ini.

3.48 *ptg.*

Tuan Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini. Bagaimanapun saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap masalah kaum nelayan yang masih memerlukan cara-cara penyelesaian yang lebih berkesan. Peranan Akta Persatuan Nelayan, 1971 sebelum dipinda ternyata menimbulkan beberapa masalah merumitkan usaha-usaha membela nasib kaum nelayan. Walaupun kesan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1974 ini boleh menyamakan tugas-tugas Persatuan-persatuan Nelayan, Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, tetapi saya sangsi adakah tujuan pindaan ini boleh menyelesaikan masalah kaum nelayan pada keseluruhannya.

Saya nampak bahawa Rang Undang-undang ini tidak begitu kemas kerana tidak mempunyai peranan yang lebih berkesan untuk mengubah sikap dan pemikiran kaum nelayan. Jelas sekali bahawa pindaan Rang Undang-undang ini hanya bagi menyelesaikan kerumitan pentadbiran antara Persatuan-persatuan Nelayan Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang belum pasti adakah lebih berkesan juga bagi menyelesaikan masalah nelayan pada keseluruhannya.

Bernelayan masih dianggap sebagai satu pekerjaan kerana terpaksa dibuat akibat dari tidak adanya peluang pekerjaan lain dan bukan pekerjaan yang dicita-citakan kerana hingga hari ini kehidupan bernelayan pada keseluruhannya masih dianggap "Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Sudah sampai masanya kaum nelayan di negara ini diberi satu dunia baru dengan segala jaminan boleh meninggalkan lagi taraf hidup mereka kerana dengan jaminan ini boleh mengurangkan masalah pengangguran dalam negara.

Kerajaan sepatutnya mengadakan satu skim yang lagi serious dan berkesan untuk berbuat demikian. Kerajaan tidak sepatutnya teragak-agak untuk mengadakan peruntukan kewangan yang lebih besar sebagai bantuan perintis serta galakan kepada nelayan-nelayan. Skim itu hendaklah benar-benar

mempunyai daya tarikan dan galakan supaya kaum nelayan mengubah sikap bahawa bernelayan bukan sekadar cukup makan, tetapi mahu merupakan satu pekerjaan profesyenel yang mendatangkan kemakmuran bagi hidup mereka. Walaupun banyak syarikat-syarikat kerjasama nelayan dan sebagainya ditubuhkan, tetapi masih ramai juga kaum nelayan enggan masuk bersepakatan seperti itu. Ini sudah tentu ada sebabnya. Kemungkinannya mereka kurang yakin cara bersyarikat dan cara ini tidak dapat menunjukkan satu dorongan yang lebih kuat supaya mereka menyertainya.

Kaum nelayan adalah kaum yang memperjuangkan hidup mereka di tengah-tengah bermacam-macam masalah, bukan sahaja bahaya di laut tetapi meliputi masalah-masalah yang kait-mengait. Kebanyakan kaum nelayan adalah tinggal di tanah haram yang tidak bergeran, di tempat-tempat yang tidak ada perhubungan jalanraya, jauh daripada kedai dan berbagai masalah lagi. Masalah yang mengancam nafkah mereka bukan sahaja ombak atau hujan tetapi kadangkala pukat mereka dicuri, motorsangkut mereka rosak dan keadaan keluarga pula sentiasa diancam penyakit kerana jauh dari rumah sakit. Kerajaan harus memberi perhatian yang lebih berat terhadap masalah mereka. Perhatian tidak seharusnya diberatkan kepada pembangunan bandar dan penduduk-penduduk yang di atas daratan sahaja. Kaum nelayan patut dibela dengan cara yang lebih saintifik dengan projek yang lebih besar.

Projek membaiki taraf hidup nelayan tidak sepatutnya dengan kadar memberi mereka pertolongan dengan pukat, motorsangkut dan sebagainya tetapi keseluruhan kehidupan mereka harus diberi perhatian. Jika perlu diadakan satu skim penempatan semula kaum nelayan supaya mereka lebih mudah mencari nafkah seperti yang diadakan bagi kaum petani. Masalah tidak pernah selesai sekarang ini ialah kaum nelayan masih diperas oleh orang tengah. Harapan saya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini patut memberi perhatian berat terhadap masalah ini dengan mencari jalan yang lebih berkesan supaya kaum nelayan menerima faedah setimpal dengan titik-peluh mereka. Ramai kaum nelayan yang kecurian pukat dan sebagainya, menjadi terus lumpuh dalam mata pencarian mereka. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan patut

mengadakan undang-undang yang lebih ketat dan hukuman yang lebih berat kepada pencuri-pencuri pukut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa masalah kaum nelayan di Semenanjung Malaysia adalah juga dirasakan oleh kaum nelayan di Negeri Sabah. Maka dengan itu saya berharap Kementerian yang berkenaan di peringkat Persekutuan dapat juga bersama-sama memberi perhatian yang sama berat terhadap masalah nelayan di Negeri Sabah itu, walaupun Sabah mempunyai Kementerian Pertanian dan Perikanan sendiri tetapi Kementerian di peringkat Persekutuan harus memberi perhatiannya sama berat keseluruhan negara termasuk Sabah.

3.55 ptg.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan memberikan pendapat saya.

Pada satu mesyuarat di satu hotel yang besar di Kuala Lumpur baru-baru ini wakil nelayan dari Pantai Timur telah menyuarakan pada sidang dewan itu iaitu pendapatan nelayan-nelayan di Pantai Timur pukul rata cuma \$80 sahaja sebulan, mereka menanggung isteri dan beberapa orang anak.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan melalui Menteri yang berkenaan sudahlah sampai masanya jika pendapatan nelayan-nelayan cuma \$80 sahaja lebih kurang lebih baiklah Kementerian yang berkenaan berunding dengan Menteri Besar Negeri-negeri itu dan minta separuh dari nelayan-nelayan ini berhenti menjadi penangkap ikan.

Kalau nelayan-nelayan ini berjumlah 20,000 orang lebih baiklah 10,000 orang dirayu pada mereka berhenti jadi nelayan dan mereka diberi rancangan tanah di Trengganu Tengah sebab wakil itu daripada Trengganu yang mana saya dapati telah ditanam dengan kelapa sawit seperti di Jerangau dan di tempat-tempat yang lain dan tidak berapa lama lagi kelapa sawit ini akan mengeluarkan hasil yang banyak. Kalau tiap-tiap satu keluarga nelayan diberi 8 ekar tanah saya percaya beliau akan mendapat sekurang-kurangnya \$320 sebulan iaitu 4 kali ganda dari pendapatan nelayan sekarang. Kalau jadi nelayan dapat \$80 sebulan keluar rumah di waktu Subuh lagi tak tentu waktu

Subuh, tak tentu waktu Dzuhor, tak tentu waktu Asar, Magrib dan Isya, dapat dosa, hidup tak sempurna. Jikalau jadi pak tani seperti rancangan FELDA mereka mendapat gaji yang lumayan, pergaulan masyarakat dapat, beramal ibadat dapat, dosa kurang dan tengahari boleh tidur senang-lanang. Kita mesti kasihan kepada nelayan-nelayan ini kerana tujuan kita menuntut kemerdekaan ialah hendak mengkayakan rakyat kita.

Sekarang baru satu kaum sahaja yang kaya, jadi kita mestilah kasihan kepada nelayan-nelayan kita dengan merayu kepada mereka diberi penghidupan yang baru iaitu dikeluarkan mereka jadi nelayan dan menjadi pak tani. Itulah pandangan saya terhadap Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

3.58 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Bil ini, saya suka memberi pendapat saya berkenaan dengan kedudukan nelayan ini.

Apabila kita bercakap fasal nelayan sebagaimana kata Dr Mahathir dia melibatkan ke semua golongan. Nelayan di sebelah Pantai Timur termasuk tok jerangan dan perach yang menjual ikan-ikan di tepi laut. Kalau buat pertubuhan nelayan kesemuanya orang ini menjadi ahli nelayan juga. Masalah yang besar bukan masalah nelayan itu sendiri dengan ahli-ahli persatuan. Masalah yang besar yang dihadapi oleh Kerajaan dalam masalah hendak membela nelayan ini ialah perkara yang berkaitan dengan persaingan di antara ahli-ahli nelayan dengan orang-orang tengah ataupun taukeh-taukeh.

Orang-orang yang mempunyai modal yang duduk di tepi pantai yang menggunakan modalnya untuk mencari keuntungan yang lebih, dan membuat harta dengan kekayaan dengan menggunakan nelayan-nelayan itulah menjadi hamba-abdi untuk kekayaan mereka. Dari semenjak kita merdeka, Kerajaan telah memikirkan berbagai-bagai cara dan jalan untuk hendak beri lebih pendapatan kepada nelayan. Tetapi kelebihan itu tidak boleh dapat diberi, kerana orang-orang yang dipanggil taukeh yang duduk di tepi pantai inilah yang mendapat kelebihan dengan wang ringgit yang dia ada, dengan pengaruh yang

dia ada, dengan bijak pandai cakap yang dia ada, dengan cara memberi berhutang dan sebagainya, maka kekayaan mereka itu semakin hari semakin bertambah, dan Persatuan-persatuan Nelayan ini tidak dapat hendak bertanding dengan taukeh-taukeh yang ada di tepi pantai ini.

Masaalahnya ialah masaalah pertandingan di antara nelayan yang miskin dengan kaum kapitalis yang ada di tepi pantai. Kalau kita hendak selesaikan masaalah ini tidak ada lain jalan, melainkan Kerajaan hendaklah menggunakan kuatkuasa yang lebih supaya dapat dihapuskan kaum-kaum kapitalis yang ada di tepi pantai ini, dengan memberikan kuasa yang lebih kepada Pertubuhan-pertubuhan Nelayan yang ada di tepi pantai, seolah-olah kita jadikan perindustrian perikanan ini satu industri yang menjadi hakmilik Kerajaan yang secara terus-menerus Kerajaan mengelolakannya. Dari ikan itu keluar dari laut sehinggalah ke pasar untuk dijual.

Kalau sekiranya kita tidak dapat usahakan benda ini, maka berpanjanganlah kesusahan nelayan itu dari beberapa masa di hari hadapan kelak. Sebab apabila ikan itu ditangkap di tengah laut, taukeh yang ada wang ini, ia mempengaruhi juragan-juragan dan tuan-tuan motor dan perahu dan sebagainya dengan memberi wang, ikan itu dibeli di tengah laut lagi, sudah sampai di tepi pantai dimuat di dalam lori dan van terus dipasarkan. Orang-orang yang di pasar itu ia melelong, ia jual untuk kekayaan taukeh itu semua. Tidak ada satu kontrol yang dibuat untuk pemasarannya, untuk penangkapan ikannya dan untuk lain-lain usaha dalam lingkungan perusahaan perikanan ini.

Kalau sekiranya dapat Kerajaan menggunakan kuasa, ikan yang keluar dari laut itu ditangkap oleh satu perbadanan, atau badan koperatif ini sahaja, dan badan ini mempunyai hak menguasai di pasar-pasar yang ada di tiap-tiap bandar itu, saya rasa susah sedikit orang-orang tengah ini, orang-orang kaya, kapitalis-kapitalis nelayan-nelayan ini untuk hendak memecah, tetapi ini mustahak kepada keberanian yang lebih dalam menghadapi kapitalis yang mempunyai cita-cita yang tamak ini. Kalau kita berani pecahkan ring ini, pecah kumpulan ini, baharulah kita dapat memperbaiki nasib nelayan kita ini. Kalau tidak, kita

terpaksa mengikut cadangan saudara saya Ibrahim Yaacob, kita berhentikan sahaja perusahaan nelayan, kita beri mereka tanah dan kelapa sawit. Biar kapitalis kaya, menjadi orang-orang yang millionaire di tepi laut di Malaysia ini.

Kita terpaksa pilih antara dua. Mahu kita hidupkan kapitalis di tepi laut, ataupun mahu hidupkan nelayan di tepi laut kita ini. Ini sahaja pilihan di antara dua. Kalau tidak masaalah ini akan berpanjangan. Sebab saya tahu, dari Aziz Ishak menjadi Menteri dahulu, sampailah kepada sekarang, masaalah nelayan belum dapat diselesaikan. Walaupun Menteri dari langit datang, kalau tidak kita tentukan dasar kita, dasar menghapuskan kapitalis yang ada di tepi laut, dasar menegakkan hak nelayan yang ada di tepi laut, kita tidak dapat menghapuskan masaalah-masaalah yang begini besarnya. Masaalah nelayan ini payah hendak dihapuskan. Kata orang-orang tepi laut, orang-orang ke laut ini dia ada satu mentaliti yang berlainan dari orang-orang yang di darat, sebab dia keluar dari pagi ke laut, dia nampak laut sahaja, otaknya sampai di laut sahaja, tidak ada nampak manusia, nampak langit dengan laut. Apa-apa perkembangan yang berlaku di dalam bumi ini, di atas bumi ini dia tidak nampak. Apabila dia tidak nampak, Kerajaan hendak tukar mentaliti tidak boleh, melainkan laut itu dijadikan bumi, baru boleh tukar. Kalau laut jadi laut, dan langit jadi langit, tentu corak pemikiran kaum nelayan tidak dapat ditukarkan. Cara hendak menukarkan mentaliti untuk meninggikan taraf hidup tidak berbangkit kepada nelayan. Tidak boleh dibangkit dan tidak boleh dipersoalkan, mustahil boleh kita buat. Cara yang lebih baik ialah jadikan industri perikanan ini satu industri nasional yang dikelolakan oleh Kerajaan sendiri, terus dari laut kepada pasaran. Itulah sahaja kita dapat pilih di antara mahu tegakkan kapitalis atau mahu tegakkan nelayan kita. Ini sahaja pilihan yang dapat kita lakukan. Kalau tidak, kita akan menghadapi masaalah ini berpanjangan walaupun kita boleh baiki undang-undang beberapa kali lagi di masa hadapan dan tukarlah Menteri kita itu dari satu Menteri kepada satu Menteri.

4.05 ptg.

Tuan Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini nampaknya bertujuan untuk hendak

membela kaum nelayan pada keseluruhannya dari sudut hidupnya. Seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi mengatakan bahawa setiap kali bercakap berkenaan dengan nelayan ini, maka masalah nelayan tidak dapat diatasi dengan sempurna.

Masaalahnya pada pendapat saya ialah masaalah nelayan itu sendiri. Adakah kaum nelayan yang sekarang ini menduduki sepanjang-panjang tepi pantai Malaysia kita dari Semenanjung Malaysia sampai Sabah dan Sarawak itu Menteri bersedia untuk mengubah nasibnya. Manakala soalan ini kita timbul, maka jawabannya seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Datuk Nik Hassan mengatakan bahawa mentaliti mereka tidak berubah, oleh kerana mereka hanya melihat laut dan langit pada siang dan malam hari. Walaupun demikian, tugas kita sebagai pemimpin negara ataupun tugas Kerajaan tidak boleh membiarkan nasib satu golongan masyarakat kita di negara ini terbiar dengan begitu sahaja, sebab sikap mereka tidak mahu berubah ataupun sikap dan mentalitinya tidak dapat melihat kemajuan di sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat beberapa gejala-gejala yang kurang sihat di dalam masyarakat nelayan ini. Selain daripada kaum kapitalis atau orang-tengah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan tadi, ada satu golongan lagi di dalam masyarakat kaum nelayan, iaitu golongan orang yang tidak mahu mencampurkan dirinya di dalam golongan yang agak besar. Seperti yang berlaku di dalam negeri Perak misalnya, ada nelayan-nelayan yang perusahaannya kecil, dan ada nelayan-nelayan yang sanggup menjadi perkakas kepada taukeh-taukeh besar sehingga ia menjadi golongan yang besar. Manakala ada dua golongan di dalam masyarakat nelayan, ada nelayan pantai, ada nelayan yang besar. Maka rebutan rezeki di tengah-tengah laut itu akan mereka temui dan kemudian akan berlakulah pergaduhan seperti yang pernah kita dengar di beberapa tempat.

Persatuan nelayan yang kita berharap ini akan dapat menyatupadukan golongan ini golongan penangkapan-penangkapan ikan atau nelayan kecil dengan nelayan-nelayan yang memang sudah mempunyai kedudukan yang baik oleh kerana ada golongan yang

dapat membantunya. Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, dengan pendapat saudara saya Datuk Nik Hassan yang menyatakan selagi kita hanya menggalakkan sahaja kepada kaum nelayan supaya merubah sikapnya, tidak akan berubah. Apa yang perlu bagi kita ialah memimpin kaum nelayan ini, memimpin mereka ini ke arah yang lebih sempurna dan yang lebih teratur.

Kalau kita melihat di pantai-pantai di sepanjang pantai di negara kita ini, kita akan menengok betapa terbiarnya nasib mereka itu, anak-anaknya kadang-kadang tidak bersekolah, rumahnya tidak sempurna dan kadang-kadang dapurnya tidak berasap, menunggu suami mereka itu pulang di tengah laut entah pagi, entah malam, entah selamat, entah tidak dan sebagainya. Maka perasaan mereka sebagai kaum nelayan ini lebih banyak menyerahkan dirinya kepada takdir semata-mata.

Kita pernah menengok bukan sahaja melihat peristiwa-peristiwa sedih, tetapi peristiwa-peristiwa yang menyayat hati kaum nelayan ini sering juga didramakan oleh orang-orang dramatis kita ini, tetapi dengan cara drama sahaja saya rasa pun tidak akan dapat mengatasi nasib kaum nelayan. Orang yang akan tahu kepada nasib nelayan ialah orang yang berdamping dengan kaum nelayan itu sendiri dan kita tahu, mereka boleh kita katakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, tetapi itulah takdir yang telah mereka terima dari Tuhan. Walaupun kita cuba mengalihkannya daripada tempat pencariannya itu ke tempat yang agak sempurna seperti yang disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat Tuan Ibrahim Yaacob, tetapi tidak mudah hendak mengubah fikiran seorang nelayan daripada menangkap ikan kepada menjadi seorang penjual mee goreng di tengah bandar Kuala Lumpur ini, atau daripada penangkap ikan menjadi ejen motokar Toyota di Kuala Trengganu, tidak mudah untuk mengubah fikirannya, sebab kekurangan-kekurangan penghidupan mereka sejak mereka itu dari kecil sampai besar. Apa yang saya pandang sekarang ini lebih mustahak iaitu Kerajaan mengambil tindakan yang tegas.

MAJUIKAN telah kita adakan? Di Kuala Trengganu kita telah mengadakan tempat ataupun kilang MAJUIKAN yang sekiranya boleh memberi pertolongan secara

langsung kepada nelayan-nelayan. Kita belum dapat tahu apakah MAJUIKAN yang ada di Kuala Trengganu itu telah dapat sedikit sebanyak memberi kesan dan memberi pertolongan kepada kaum nelayan sekurang-kurangnya di sekitar Kuala Trengganu itu sendiri.

Percubaan MAJUIKAN ini memimpin kaum nelayan dan menyelamatkan kaum nelayan daripada tindasan orang tengah telah begitu memuaskan. Saya rasa tidak ada salahnya kalau sekiranya MAJUIKAN ini diperlebarkan di beberapa tempat di mana kaum nelayan ini didapati. Maka oleh kerana itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan maksud serta tujuan membela nasib kaum nelayan di dalam semua penghidupan mereka sekalipun anak mereka itu akan menjadi nelayan juga pada akhirnya. Tetapi biarlah nelayan yang berpengalaman, nelayan yang intelek, nelayan yang dapat berpelajaran dan pendidikan yang lebih saintifik daripada ibubapa mereka yang hanya dengan sebatang galah, dengan satu biduk atau sampan menyerahkan nasibnya di tengah-tengah gelombang dan kemudian dapat apa yang diberi oleh Tuhan kepadanya. Biarlah anak-anak mereka itu di belakang hari dengan usaha yang kita buat sekarang ini menjadi kaum nelayan seperti kaum nelayan di Jepun misalnya, kaum nelayan di Mexico atau nelayan di mana-mana juga yang telah mendapat kemajuan dalam dunia ini.

Kita mahu mereka biarlah mereka tetap sebagai kaum nelayan, tetapi bukan kaum nelayan yang hanya mendapat rezki \$50 sebulan atau \$80 tetapi kaum nelayan yang dapat menunjukkan bahawa peranan yang mereka ambil tidak kurang pentingnya daripada golongan-golongan yang lain, asalkan di dalam usaha mencapai cita-cita ini Kerajaan kita tidak berhenti-henti membuat usaha dan daya bagi mencapai tujuan itu.

Kepada Kerajaan, kita mengucapkan terima kasih dan tahniah atas usaha-usaha yang telah dicuba ini, tetapi tentulah percubaan ini belum sampai kepada matlamatnya. Kalau sekiranya belum sampai kepada matlamat yang kita tuju, kita tak usahlah mencari jalan lain, melainkan Kerajaan cuba memimpin secara langsung golongan-golongan nelayan ini.

4.15 *ptg.*

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Bil yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara, tetapi Bil yang dibawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara bukanlah Bil beliau, tetapi Bil Kementerian Pertanian dan Perikanan. Saya rasa dukacita Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab terhadap pindaan Rang Undang-undang ini mengapakah mereka itu tidak hadir di dalam Dewan ini.

Saya juga turut menyokong sebagaimana kata rakan-rakan saya tadi, semenjak kita masuk di dalam Dewan ini telah berkali-kali dipinda, diubah dan diatur, tetapi hanya dipinda setakat di atas meja di dalam Dewan ini sahaja. Mengapakah Kementerian ini pandai meminda, tetapi tidak pandai mengatur cara manakah yang akan mengubah nasib nelayan yang terbiar sehingga hari ini. Sebagaimana kata rakan-rakan saya itu kehidupan nelayan susah dan tidak ada berpelajaran. Sekarang di Negeri Pulau Pinang banyak hotel-hotel besar telah didirikan, nelayan-nelayan di tepi laut itu dipindahkan, maka pindahlah mereka itu dengan membawa periok belanga mereka. Adakah Kementerian yang berkenaan melihat bagaimana nasib nelayan itu. Saya berharap setelah undang-undang ini dipinda, maka dapatlah kerajaan membaiki nasib nelayan, sebagaimana kata rakan saya tadi yang mana adalah sangat-sangat benar. Kita merasai nikmat dan berasa bangga, tetapi nasib nelayan masih menderita hingga hari ini.

4.19 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang sentiasa menitikberatkan kepada rakyat seluruh negara termasuk guru dan nelayan yang sama-sama kita bincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak nafikan, kaum nelayan adalah satu golongan yang boleh dikatakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kita tidak menafikan juga dengan titik peluh kaum nelayan inilah yang menyebabkan banyak daripada kaum

kapitalis mendapat keuntungan yang besar. Kaum nelayan terpaksa menggadaikan nyawa untuk mencari makan, tetapi malangnya yang mendapat keuntungan yang besar ialah kaum yang lain. Di samping Rang Undang-undang ini dipinda, yang dibawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi, saya suka mengesyorkan beberapa perkara.

Saya berpendapat syarikat apa pun yang kita tubuhkan, kita tentulah akui mula-mula agak saya dalam setahun atau dua tahun syarikat itu berjalan dengan baik, tetapi lama-kelamaan disebabkan beberapa perkara, maka syarikat itu mati dengan tidak berkubur. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan awasilah betul-betul, ataupun kalau boleh biarlah Kementerian ini memimpin dahulu sehingga syarikat itu berjalan dengan baik, dengan pegawai yang cukup lengkap dan dengan aturan yang lengkap diambil tindakan siapa yang menyeleweng baharulah diserahkan kepada ahli-ahli yang berkenaan.

Yang kedua, sebagaimana kita sama-sama tahu, laut yang menjadi tempat mata pencarian nelayan itu ada setengahnya bersempadan dengan negeri Thai, misalnya di negeri Perlis. Kita tidaklah mahu sentuh perasaan ataupun persahabatan dengan negeri luar, tetapi saya berpendapat tentulah tidak dikatakan kita melampaui batas kalau kita menahan hak-hak kita atau kita menjaga rakyat-rakyat kita. Saya dapat tahu, kadang-kadang bila nelayan kita termasuk sedikit ke dalam perairan lain daripada negara kita, maka diambil tindakan, baik pun oleh pihak berkuasa dan kadang-kadang pihak lanun yang banyak di laut. Tetapi malangnya, kalau mereka masuk ke pihak kita, kita melayan mereka dengan baik. Saya harap Kerajaan kita mengambil tindakan. Saya bukanlah hendak suruh kita bermusuhan dengan mana-mana negeri, bahkan saya berpendapat negeri kita amatlah baik dengan Kerajaan Thai dan Kerajaan-kerajaan lain, tetapi hendaklah baik kita itu menjadi keuntungan kepada negara dan rakyat kita. Janganlah dibiarkan rakyat kita berasa sedih. Saya berharap selain daripada apa yang diputuskan oleh Kerajaan tentang keselamatan ataupun kemakmuran, kelapangan kepada rakyat hendaklah diutamakan.

4.21 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Sungguhpun ucapannya pendek-pendek, tetapi memberi teguran-teguran yang saya fikir adalah sangat mendalam dan ada yang membina. Dalam pandangan saya teguran-teguran Yang Berhormat itu adalah nyata Yang Berhormat yang membuat ucapan itu sedar dan insaf atas keadaan nelayan-nelayan kita yang ada pada masa sekarang. Dengan tujuan inilah, dahulu Kerajaan mengadakan satu Undang-undang dan sekarang membawa satu lagi pindaan Undang-undang hendak menyatukan segala Pertubuhan Nelayan dan juga Syarikat Kerjasama Nelayan, sebagaimana juga kita buat kepada Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama supaya dapat diselaraskan pentadbirannya.

Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi teguran iaitu Kerajaan janganlah memandang dari segi pentadbiran, tetapi hendaklah juga betul-betul membela nasib tiap-tiap nelayan. Tetapi kita hendaklah ingat iaitu pentadbiran juga hendak kita licinkan. Daripada situlah dapat kita jalankan segala projek Kerajaan, kerana kalau licin pentadbiran yang kita jalankan itu, kita harap dapat segala rancangan yang ada Kerajaan hendak buat bagi pihak nelayan akan datang dapat kita jalankan.

Tentang teguran-teguran Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Hamzah berkenaan dengan Pukat Tunda atau Pukat Harimau katanya, "sebanyak 80 buah yang telah dibeli oleh nelayan telah tidak dapat dijalankan sekarang ini sebab tidak ada lesen." Masalah pukat yang tidak mempunyai lesen sebanyak 80 itu sedang dikaji oleh Kementerian Perikanan sekarang, dan mana-mana mereka yang didapati memenuhi syarat-syarat untuk diberi akan diberi lesen dan akan diluluskan lesen kepada mereka yang cukup syarat. Tetapi sebaliknya pula, kalau mereka yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat berkenaan dengan alat-alat penangkap ikan, sebagaimana kehendak peraturan perikanan. Kerajaan tidak dapatlah mengeluarkan lesen itu, kerana kalau dijalankan juga adalah menyalahi daripada segi undang-undang.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Dr Mahathir mengenai memberi perlindungan kepada nelayan seperti Socso dan lain-lain, perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian supaya dapat diberi perlindungan kepada nelayan-nelayan masa ia ada kemalangan dan juga dengan lain-lain sebab tidak dapat pergi menangkap ikan. Perkara ini sedang di kaji.

Saya hendak menjawab sedikit berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Tuan Haji Dzulkifli, iaitu Kementerian Perikanan sememangnya sekarang mencadangkan untuk mengadakan suatu rancangan penempatan semula bagi nelayan-nelayan. Sebagai permulaannya saya suka menerangkan di sini ada satu pilot projek yang Kerajaan telah memilih di Pulau Redang, Trengganu sebagai rancangan memindah nelayan daripada Pulau Pinang ke Trengganu sebanyak 220 keluarga. Rancangan ini akan mengandungi rumah untuk nelayan, sekolah, bekalan air dan lain-lain kemudahan. MAJUIKAN akan menyiapkan 40 buah motorbot yang baharu dan baik untuk rancangan ini supaya mereka dapat gunakan untuk menangkap ikan dengan lebih berkesan. Ini satu rancangan yang dimulakan oleh Kerajaan untuk pemindahan, jika maju dan berjaya akan dibanyakkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum negeri kita, kalau kita pandang kebanyakan penangkap-penangkap ikan negeri kita ini sewaktu datuk-nenek kita dahulu adalah biasanya mengikut cara yang lama dan menangkap ikan tidak jauh daripada tebing negeri. Cara ini telah berlaku dan berjalan beberapa lama dan selepas kemerdekaan kita tahu kita dapat kemajuan, tetapi tidak begitu pesat sebagaimana yang dikehendaki. Kerajaan sedar tentang keadaan nelayan, penderitaan nelayan di Pantai Timur dan juga di Selat Melaka. Dengan sebab itulah Kerajaan telah mengadakan Sekolah Perikanan di mana anak-anak nelayan, misalnya di Pantai Timur dan lain-lain ada kebolehan dan berkehendakan pelajaran lebih tinggi dengan cara saintifik menangkap ikan, diberi peluang belajar di Sekolah Menangkap Ikan di Pulau Pinang supaya mereka itu tidak lagi mengikut bapa mereka ke laut dan menangkap ikan dengan cara lama. Ini satu cara, kalau kita tidak dapat baikki cara berfikir dan ubah sikap nelayan-nelayan yang lama itu, kita cuba

selamatkan jenerasi yang akan datang. Kita harap dapat perubahan bila jenerasi akan datang dapat kita baikki keadaan kehidupannya.

Selain daripada itu, saya suka menerangkan di sini berkenaan dengan keselamatan nelayan-nelayan ke laut. Kerajaan kita sentiasa waspada dan menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita. Pihak Polis dan Tentera Laut sememangnya kita suruh meronda, misalnya, sempadan di antara Thailand, negeri Kedah dan Perlis menjaga sebelah sana dan juga di Lautan China. Kita sedar penangkap-penangkap ikan kita kadang-kadang dirompak di laut.

Saya memberi keterangan dan nasihat di sini kepada nelayan-nelayan bila ke laut, Ahli-ahli Yang Berhormat di sini juga hendaklah bekerjasama beritahu kepada nelayan itu, jangan sekali-sekali melangkah wilayah sempadan antara kita dengan jiran tetangga kita, misalnya di Selat Melaka antara sempadan negeri kita dengan sempadan Indonesia. Kalau menyeberang di sana, maka mereka tentu ditangkap dan dihukum dua atau tiga bulan tidak balik, kemudian kita dengar mereka balik selepas di penjara di sana. Begitu juga di Thailand. Kerajaan kita juga menangkap ramai nelayan-nelayan negeri lain yang masuk di kawasan kita. Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan nelayan, misalnya, lebih kurang 50,000 bubu-bubu ikan kita, 30 batu daripada Trengganu dahulu telah disapu, dihancurkan dan dibinasakan oleh motobot Tunda yang besar daripada luar negeri yang di luar wilayah kita, tetapi Kerajaan bantu mereka itu dan ganti kerugian sebanyak sampai \$60,000.

Undang-undang kita dalam negeri kita ini untuk mengawal laut kita ialah dihadkan sampai 12 batu sahaja kerana itu digelar territorial waters atau wilayah perairan. Dari itu segala undang-undang yang kita buat berkuatkuaasa dalam had 12 batu sahaja. Luar daripada itu kita tidak ada undang-undang yang boleh jalankan kuatkuasa. Tetapi, baharu-baharu ini sebagaimana tuantuan maklum dalam mesyuarat di Caracas, undang-undang wilayah perairan boleh dikatakan 99% negeri-negeri dunia ini telah bersetuju diluaskan lebih daripada 12 batu iaitu sebagai jajahan negara itu daripada tebing negeri itu sampai 200 batu lautnya adalah digelar fishery zone atau economic

zone, di mana segala isi dalam laut itu adalah dipunyai dan dikawali oleh tiap-tiap satu negara. Bermakna kita pandang negeri kita, negeri kita di sebelah Lautan China sahaja. Apakala undang-undang itu diluluskan pada masa akan datang perjanjian itu ditandatangani, apakala dapat diluluskan oleh sekalian dunia pada satu masa kelak, kita harap dalam dua, tiga tahun lagi, kalau boleh tahun hadapan maka wilayah kita ialah boleh sampai 200 batu ke Lautan China adalah kepunyaan negara kita. Ini sangat-sangat mustahak kalau kita hendak jaminan untuk nelayan. Kita sedar iaitu ikan di laut itu bukan ada selama-lamanya. Kalau dibiarkan nelayan-nelayan negeri luar dengan kapal-kapal yang sangat tamadun yang tidak boleh sekali-kali ditandingi oleh nelayan kita dengan cara primitif walaupun Pukat Tunda yang ada ini, menangkap ikan dalam wilayah 200 batu misalnya di sempadan kita, dalam dua, tiga tahun sahaja tidak ada ikan lagi dalam laut, kerana alatannya sangat-sangat moden yang boleh menarik ikan dengan cara yang sangat saintifik. Kalau sekali dia cerutnya habis semua sekali datang; dengan cara lampu letronik dan lain-lain. Kalau mereka itu dibenarkan masuk dalam wilayah 200 batu, tak usah 300 batu daripada kawasan kita, maka harapan untuk negara kita akan datang akan terancam. Ini adalah satu perkara yang sangat mustahak, kerana saya fikir tidak ada gunanya kita ada alatan yang moden, jaminan dan lain-lain kepada nelayan kalau lautan di keliling kita itu, yang mengandungi ikan, yang patut hak negara kita, kita biarkan ditangkap oleh negara lain. Maka ini saya fikir sangat mustahak hendak saya terangkan di sini. Dengan adanya undang-undang baharu itu pada masa akan datang maka saya percaya jaminan kepada nelayan-nelayan yang akan datang akan lebih besar.

Keduanya, sememanglah dasar Kerajaan masa ini kita mulakan dengan bot-bot Pukat-pukat Tunda yang moden sahaja. Kalau dibandingkan taraf penangkapan ikan, rasa saya, di Malaysia ini, bila saya lepas mesyuarat di sana, tangkapan-tangkapan moden yang ada, bot-bot tunda yang ada kita lakukan, yang boleh digunakan dalam wilayah 10-20 batu dari sempadan itu masih cukup lagi dibandingkan dengan dunia yang lain, jauh kebelakang. Dengan sebab adanya cara ini, dengan adanya cara co-operative,

pada masa akan datang kelak boleh jadi Kerajaan campurtangan, bekerjasama, adanya perbadanan-perbadanan dan lain-lain, kita boleh adakan alatan-alatan penangkap ikan, bot-bot menangkap ikan yang lebih moden, yang boleh nelayan kita menyeberangi, boleh menangkap ikan hingga 200 batu, 400 batu sampai 500 batu. Pada masa ini, saya suka memberitahu Negeri Jepun hasil tangkapan ikannya sahaja setahun ialah \$3,500 juta. Kita satu negara Malaysia dan satu Semenanjung yang boleh dikatakan macam sebuah pulau yang dikelilingi oleh lautan semata-mata dan lagi di Sabah dan di Sarawak dikelilingi oleh lautan juga. Hasil lautan cukup banyak, maka Kerajaan sedar hal ini dan dengan lulusnya Undang-undang ini, saya percaya Kerajaan pada masa akan datang akan mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk memberi jaminan hidup pada nelayan kita.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya beri penerangan dan jawapan seberapa yang boleh berkenaan Bil yang ada di hadapan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempoth sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempothkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT— PERUBAHAN

5.10 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Menurut Perbekalan Peraturan Mesyuarat 13 (2) bahawa Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam hendaklah didahulukan daripada lain-lain urusan di dalam kertas urusan mesyuarat untuk hari ini.

Tuan Lau Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Menurut Perbekalan Peraturan Mesyuarat 13 (2) bahawa Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam hendaklah didahulukan daripada lain-lain urusan di dalam kertas urusan mesyuarat untuk hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang yang bernama "Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam Tahun 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk mengadakan satu rangka bentuk undang-undang untuk mencarigali petroliaam oleh satu Perbadanan, PETRONAS—sebuah badan yang akan diberi kuasa penuh terhadap aktiviti-aktiviti petroliaam samada didaratan ataupun di pelantaran Benua Malaysia. Selepas rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah diputuskan bahawa nama perbadanan ialah Petroliaam Nasional Berhad ataupun PETRONAS dan bukan HIKMA seperti mula-mula kita cadangkan. Nama PETRONAS itu telah

menunjukkan bahawa badan ini akan daftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965 iaitu terkawal tak ubah macam syarikat-syarikat yang biasa.

Seperti yang telah dicadangkan oleh Kementerian saya, perjumpaan minyak di Malaysia ini hendaklah dijadikan asas untuk memperlekaskan lagi asas pembangunan ekonomi kita, termasuk pembangunan perusahaan (industrial development). Strategi meninggi kegunaan minyak hendaklah disatukan (integrated approach must be adopted) supaya semua aspek perusahaan minyak akan dapat menimbulkan bukan sahaja proses seperti pembinaan refineries tetapi juga Perusahaan-perusahaan Petro-kimia, serta perdagangan (all commercial and business activity) yang berkaitan dengan jenis perusahaan minyak dan Petro-kimia. Kesan pembangunan perusahaan-perusahaan ini tentu akan mengubah corak satu kawasan di mana ada terjumpa minyak, termasuk kawasan yang tidak mempunyai penduduk yang ramai ataupun yang belum lagi cukup diperbangunkan seperti di setengah-setengah tempat di Pantai Timur, di Sarawak dan di Sabah. Soal Regional Planning mestilah bersangkut rapat dengan soal perusahaan minyak, dan kerjasama di antara banyak Kementerian-kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri menjadi bertambah mustahak. Dari itu kemajuan yang betul-betul cekap dan teratur hanya dapat dilaksanakan kalau ada jagaan terus daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sendiri.

Perbadanan ini akan mempunyai hak sepenuh-penuhnya tentang mencarigali, mengusaha hasil minyak dan mendapat penabur-penabur modal daripada luar negeri untuk mendirikan perusahaan-perusahaan petrokimia. Dalam menjalankan tugas itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dinasihati oleh sebuah Majlis Penasihat Petroliaam yang akan mengandungi ahli-ahli terkemuka termasuk ahli-ahli daripada negeri-negeri yang mempunyai sumber minyak. Semua ahli-ahli ini akan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Seperti saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita ialah hendak mendapatkan sepenuh-penuh keuntungan dan hasil daripada perjumpaan minyak dalam negara kita ini, dan ini bererti segala aspek yang boleh berkait dengan perjumpaan minyak ini hendaklah diramalkan

daripada awal supaya kita dapat mengambil peluang-peluang untuk menambahkan pendapatan daripada aktiviti-aktiviti yang bersangkutan kepada negara kita ini. Selain daripada itu, saya sendiri serta Kementerian saya telahpun mengkaji beberapa sistem yang telah digunakan di seluruh dunia mengenai mencarigali minyak dan membangunkan perusahaan minyak. Jadi, dalam sistem-sistem yang kita telah pelajari termasuklah sistem di South America, di Timur Tengah, di Australia dan di Indonesia. Saya telah membandingkan semua sistem-sistem ini maka saya kerana menekankan atas tujuan-tujuan yang telah saya sebutkan tadi *integrated approach for petrol development*, menganggap bahawa sistem yang telah berjalan di Indonesia itu adalah sistem yang paling baik dalam keadaan negara kita yang sedang membangun ini. Jadi, *system production sharing* menjadi latar belakang Undang-undang ini dan eloklah bagi saya menerangkan apa sebenarnya *system production sharing*.

System production sharing mengenal satu asas yang ulung iaitu kedaulatan negara kita (*sovereignty of our nation implies*). Kita mempunyai penuh kawalan atas apa-apa kekayaan yang ada di dalam negara kita iaitu *exercise jurisdiction includes full control of all resources within our territory and within our jurisdiction*. Jadi, apa-apa yang dibuat mengenai sumber-sumber kekayaan ini mestilah di bawah kawalan Kerajaan. Oleh sebab falsafah ini, maka soal kawalan atas sumber-sumber minyak dalam negara ini kita terus selesaikan dengan satu kata iaitu minyak ini kita punya daripada masa dia di dalam bumi, masa dia keluar sehingga masa Kerajaan dengan menurut perjanjian mengalih-hakkan ataupun transfer hak itu kepada sebuah syarikat minyak. Kalau ini menjadi asas falsafah kita, maka soal yang terus nampak ialah bahawa *system production sharing* itu tidak memberi satu hak semua sekali kepada Kerajaan atas bahan-bahan.

(1) Syarikat Minyak Nasional yang dilantik ataupun ditubuhkan oleh Kerajaan ini dalam Rang Undang-undang ini dikenalkan dengan nama PETRONAS akan diberi kuasa penuh untuk mencarigali dan mengeksploit petroliam di dalam negara kita ini.

(2) Segala lanjutan daripada yang saya sebutkan tadi Syarikat Minyak Nasional

juga bertanggungjawab kepada Kerajaan atas pengurusan operasi petroliam dan syarikat minyak untuk menjalankan tugasnya sebagai kontraktor. Dengan kata lain, walaupun management atas operasi itu dijalankan oleh sesebuah syarikat minyak iaitu sebagai kontraktor, tanggungjawab yang akhirnya ialah kepada Kerajaan kita. Dalam sistem Malaysia ini menerusi PETRONAS.

(3) Minyak dan gas akan menjadi hakmilik Kerajaan atau Syarikat Minyak Nasional kerana Kerajaan telah vest ataupun memberi hak kepada PETRONAS.

(4) Kontraktor minyak ini akan menanggung segala risiko yang dikehendaki dan mengadakan kakitangan-kakitangan teknikal dalam mencarigali minyak. Kalau ia terjumpa minyak atau gas baharulah syarikat kontraktor boleh menuntut *cost or recovery* atau *the recovery of cost of production*, itu-pun terhad kepada 40% daripada minyak itu pada satu-satu tahun.

(5) Sesudah *cost of recovery* diberikan, pengeluaran minyak akan dibahagikan kepada bahagian 65% dengan 35%. Kerajaan mendapat 65%. Kalau ada perjanjian-perjanjian baharu yang dibuat peratusnya akan ditetapkan sebagai hasil *agreement*.

(6) Semua alat-alat yang bersangkutan dengan projek-projek yang tersebut iaitu seperti rig dan jentera-jentera lain yang dibeli oleh kontraktor iaitu Syarikat Minyak yang menjadi kontraktor, akan menjadi hakmilik Kerajaan atau Syarikat Nasional Malaysia ini, apabila ianya masuk ke dalam wilayah Malaysia dan tuntutan atas jentera dan equipment itu bolehlah dibayar daripada jumlah maksima *recovery cost*, 40% yang saya sebutkan tadi.

(7) Kontraktor hendaklah menjual balik kepada Kerajaan sebahagian daripada minyak yang sudah dibahagi kepadanya itu iaitu 35% yang diterima kepada Kerajaan dengan harga yang murah iaitu US 20 sen satu tong. Ini apakala keluaran Malaysia nanti sudah meningkat cukup banyak. Saya kira lebih kurang 400,000 tong sehari sehingga 500,000 tong sehari akan membolehkan Kerajaan membuat satu asar, iaitu kita boleh menyuruh bekalan minyak dalam negara ini lebih murah daripada tempat-tempat lain, dan juga kalau Kerajaan ingin membuat satu dasar yang memberi insentif kepada perusahaan-perusahaan yang lebih

sophisticated yang kita kehendaki dalam negeri ini, maka soal kemurahan minyak itu akan menjadi satu insentif. mungkin juga boleh menggantikan insentif-insentif yang telah ada sekarang ini.

(8) Undang-undang yang ada di negara ini akan dikenakan, sungguhpun syarikat itu sebuah kontraktor, kepada kontraktor itu.

Kalau kita bandingkan faedah-faedah production sharing system dengan concession system seperti berikut, maka dapatlah kita lihat betapa jauh perubahan yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita dalam menyentuh soal perusahaan petroliaam ini.

(1) Di bawah concession system syarikat minyak diberi kuatkuasa penuh untuk mencari dan membangunkan apa-apa sumber petroliaam yang ada dalam kawasan yang disebut dalam agreement dan juga Syarikat tersebut boleh dengan sendirinya menjual dan mengeksport tanpa satu-satu sekatan daripada Kerajaan.

(2) Pengurusan kerja mencarigali minyak adalah dalam tanggungan syarikat minyak belaka, kerana syarikat minyak mempunyai kawasan itu.

(3) Syarikat minyak tidak bertanggungjawab kepada sesiapa pun hanya kepada management of the company.

(4) Semua harta-benda dan jentera yang dibeli oleh syarikat itu hanyalah hak penuh bagi syarikat itu sendiri dan bukan di-transfer kepada Kerajaan kita seperti di bawah sistem production sharing.

(5) Minyak dan gas yang dikeluarkan akan menjadi harta syarikat tersebut daripada masanya dikeluarkan daripada bumi.

Keuntungan kepada Kerajaan hanya merupakan beberapa bayaran sahaja di bawah concession system. Satu pembayaran tahunan yang tetap akan dibayar selepas 5 tahun. Ini selalunya diletakkan mengikut segi batu yang telah dikawal oleh syarikat minyak itu. Royalty sebanyak 8% sehingga 11½% daripada nilai minyak mentah yang digali dan gas selepas ditolak kos-kos yang perlu bagi mengeluarkannya. Cukai-cukai akan dibayar di bawah Akta Petroliaam Income Tax tahun 1967 dengan kadar 55%.

Untuk kegunaan ini royalty adalah dijadikan satu item perbelanjaan iaitu it will be added on to the expenditure of the company, jika minyak itu diekspot. Tetapi apakala minyak itu digunakan dalam negeri ini harga minyak itu pula menjadi tax credit to the company. Ini bererti menghalang kegunaan minyak dalam negeri kita ini.

Di bawah concession system ini juga posted price digunakan dan bukan market price, ataupun realise price seperti berlaku di bawah production sharing system. Posted price ialah satu harga yang diletak hasil daripada perjanjian di antara syarikat dengan Kerajaan dan selalunya tidak ada kaitan yang teguh dengan harga minyak dalam pasaran dunia. Sekarang ini kita mahu harga minyak itu ditentukan sama dengan pasaran dunia. Selagi agreement itu dikuatkuasakan, cukai tidak boleh diubah sama sekali oleh Kerajaan, ini termasuk di dalam agreement kita. Walau bagaimanapun, ada keuntungan yang lebih daripada pihak syarikat, kita tidak ada kuasa kerana telah terikat oleh agreement untuk menukarkan apa-apa kadar cukai.

Kalau kita bandingkan dua-dua ini kita nampak bahawa apakala kita menggunakan realise price, market price bukan posted price, maka kedudukan kita adalah boleh diperbaiki dan diperkuatkan dengan kita sendiri membentuk satu jentera untuk memasarkan minyak kita sendiri. Ini bererti bahawa kita tahu berapa harga minyak, dahulu banyak negara yang mengeluarkan minyak tidak tahu berapa harga minyak yang dikeluarkan dalam dunia ini. Dengan ini juga kita akan mendapat terbabit di dalam the whole economic of petroleum dengan secara beransur. Ini bererti kita akan dapat melatih lebih ramai expertise kita sendiri di dalam soal economic dan marketing petroleum. Ini akan memperkuatkan kita di dalam berbagai bidang perbincangan, negotiation kerana kita dapat dalam soal mengirakan cash flow yang dicadangkan oleh sebuah company kadar mana-mana untuk yang mereka jangka boleh didapati daripada satu-satu perjanjian. Dengan itu kita bolehlah dengan kiraan yang terang meminta lebih untung, lebih bahagian ataupun kurang bahagian mengikut rupa keadaan masing-masing.

Kalau kita hendak melihat bagaimana soal sistem production sharing telah berjalan dengan cukup majunya tauladan yang paling baik ialah di Indonesia. Di Indonesia sistem ini telah berjalan lebih kurang daripada tahun 1966 dan telahpun membolehkan pihak Indonesia mendapatkan lebih untung kepada negara mereka sendiri. Sebenarnya, dalam perjuangan OPEC untuk mencari betapa banyaknya untung syarikat-syarikat minyak telah didapati sistem Indonesia telah membolehkan OPEC sendiri mencari berapa cost of production, berapa harga minyak dan soal-soal ekonomi yang lain yang menjadi bahan kita untuk negotiate dengan secara yang lebih cekap lagi.

Saya sendiri telah dapat banyak dan Kementerian saya juga telah mendapat banyak nasihat-nasihat dan bantuan pihak PERTAMINA, Indonesia dalam membuat dasar production sharing untuk Malaysia ini, dan kenalah pada tempatnya bagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada PERTAMINA dan kepada Kerajaan Indonesia atas semua bantuan yang mereka telah beri.

Seperti Tuan Yang di-Pertua dapat jangka, soal bagi kita pada masa sekarang ini ialah soal hendak membanhkan expertise dan kakitangan-kakitangan yang mempunyai pengertian hal petroliam ini pada masa akan datang, kerana inilah sahaja cara kita dapat menjalankan polisi yang benar-benar bebas dan berasaskan kepada hasrat kita hendak mengambil kawalan yang penuh, mengambil peranan yang penting dalam penjualan dan pembangunan petroliam kita sendiri. Dalam pada itu, saya mistilah memberi nasihat di sini supaya cawangan-cawangan lain dalam Kerajaan, terutama sekali pihak yang berkuasa atas pelajaran dalam negeri ini untuk memperhebatkan programme latihan supaya kita akan dapat memperbanyakkan orang-orang yang terlatih dalam bidang petroliam. Bagi pihak Kementerian saya sendiri kita telahpun mengambil langkah dan telahpun mengirimi empat orang ke luar negeri untuk berlatih dalam empat bidang pelajaran mengenai petroliam. Syarikat-syarikat minyak sendiri telahpun bekerjasama dengan memberi tawaran untuk menghantar anak-anak kita yang ingin hendak belajar ke universiti ataupun mengambil latihan praktikal. Sebuah syarikat telahpun menghantar seorang

anak Malaysia yang sekarang ini sedang belajar mengambil kursus di Holland dan di Amerika.

Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita dalam menggunakan peluang daripada perjumpaan petroliam ini bukanlah hendak menjual minyak mentah sahaja, bukanlah sahaja hendak menjalankan kegiatan pemasaran sahaja, tetapi ingin hendak menggunakan minyak ini sebagai bahan yang boleh menimbulkan banyak kilang-kilang petro-kimia di dalam negara kita ini. Saya telahpun bercakap beberapa kali di luar Dewan ini betapa perlunya kita menggunakan peluang ini sebab sungguhpun kilang petro-kimia tidak memberi banyak pekerjaan seperti kilang-kilang yang lain, tetapi the speed of the activities of petrol chemical industries boleh memberi banyak peluang pekerjaan lagi di luar-luarnya. Misalnya, kalau ada seorang dapat diberi kerja dalam kilang petro-kimia, barangkali ialah yang terpaksa bekerja dalam supporting servicesnya dan lain-lain sampai enam orang. The ratio of 1: 6 employment benefits from petro-chemical industries, skim off is I think a good one, Tuan Yang di-Pertua.

Priority-priority terpaksalah kita aturkan daripada sekarang dalam menjalankan pembangunan kilang petro-kimia ini. Yang pertama ialah apa yang diperlukan dalam negeri kita ini yang boleh memberi galakan banyak industry lain. Misalnya, pembuatan plastik adalah sangat penting dalam negeri kita ini, kerana perusahaan plastik di dalam Malaysia ini telahpun berkembang begitu cepat, dan pada tahun lepas dan tahun ini perusahaan-perusahaan ini telah menghadapi satu keadaan sukar mendapat bekalan raw materials. Ini mistilah dijadikan satu priority yang utama dalam pemilihan-pemilihan kita hendak membuat barang-barang petro-kimia. Pada masa sekarang ini dunia sedang menghadapi kekurangan baja, dan kita dalam Malaysia inipun merasa sukar sedikit mendapat baja. Sungguhpun kita berjaya kerana bantuan negara-negara sahabat, tetapi untuk jangka panjang kita misti mempunyai bekalan yang tidak putus bagi petani-petani kita. Soal mendirikan sebuah kilang baja adalah sangat penting dalam program petro-kimia kita sendiri.

Dalam menentukan apa bentuk refinery (Naphta Cracker) yang kita patut buat dalam negeri ini, soal apa jenis petrol

chemical products yang kita harus buat dalam negeri ini mestilah ditimbangkan daripada awal kerana rekabentuk sebuah refinery (Naphta Cracker) bergantung sangat atas barang-barang petro-kimia yang kita maksud hendak dibuat dalam negara ini. Soal penyelidikan atas barang-barang petro-kimia yang patut kita jalankan adalah sangat penting pada masa sekarang ini dan adalah bersangkutan sangat rapat tentang keputusan Kerajaan untuk membuat refinery.

Mengenai kedua-dua industry yang saya sebutkan tadi iaitu polythelyne plant dan fertiliser plant, mungkin dapat menggunakan gas yang telah dijumpai oleh kita di Malaysia Timur dalam kawasan Sarawak. Ada juga tanda-tandanya bahawa gas mungkin dapat dijumpai ini commercial quantities di Pantai Timur kita, tetapi pada masa sekarang ini saya tidak boleh memberi keputusan yang tepat, kerana perkara ini sedang dinilai oleh syarikat-syarikat yang ada di dalam operasi kawasan Pantai Timur. Daripada minyak kita harap adalah besar bagi kita boleh untuk membuatkan barang-barang petro-kimia yang menggunakan banyak benzine kerana minyak kita barangkali ada chemical composition yang sangat sesuai.

Satu daripada keutamaan yang Kerajaan akan selidiki ialah kemungkinan kita membuat sebuah BTX plant supaya dapat memberi feedstock ataupun bahan kepada kilang-kilang yang sekarang ini sedang dalam rancangan di Pulau Pinang untuk membuat synthetic textile. Kemungkinan bagi kita membuat synthetic fibre adalah baik, dan saya fikir ini juga adalah keutamaan yang telah Kerajaan fikir sangat baik jika dijalankan dalam Malaysia ini.

Dalam semua usaha kita menjalankan integrated approach ini, Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan rapi meliputi banyak cawangan Kerajaan dan penyelidikan khas ataupun potential service terpaksa ditimbangkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan cita-cita Kementerian saya bagi memajukan pembangunan perusahaan-perusahaan petro-kimia dalam tahun-tahun akan datang, terutama sekali tahun lapan-puluhan. Saya percaya dengan pimpinan terus daripada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, tugas sebesar-besar ini dapat menjadi ringan dan akan dapat dilaksanakan untuk mempercepatkan lagi

pembangunan negara kita ini seperti yang dimaksudkan oleh Dasar Ekonomi Baharu kita. Saya ingin menegaskan bahawa kejayaan usaha PETRONAS di dalam industri petroleum tidaklah dapat dijamin 100 peratus berjaya, tetapi seperti lain-lain usaha dan perniagaan adalah bergantung atas kebijaksanaan pengurusan, the absolute integrity of the management dan atas dedikasi dan keazaman pihak seseorang yang bekerja menjadi satu team dalam PETRONAS nanti. PETRONAS bukan sahaja akan menghadapi cararan-cabaran exciting di masa hadapan, tetapi juga memerlukan tekanan kerja yang berdikari dan sikap enlightened yang boleh menarik pelabur-pelabur besar.

Akhirnya, ia berkehendakkan satu pandangan jauh (very clear vision) yang akan membolehkannya memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru supaya group industries seperti petroleum industry and associated industries, petro-chemical industries semumpamanya akan menjadi satu catalyst pembangunan dalam usaha memperhebatkan pembangunan dan menyusun semula masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.42 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit menyokong cadangan yang dibawa bagi meluluskan Bil menubuhkan sebuah syarikat yang dinamakan PETRONAS.

Pada saya ini adalah satu perkembangan baru yang menjadi sejarah negara kita dalam perkembangan ekonomi yang pesat ini dan saya memberi tahniah kepada Kerajaan yang telah menempa satu sejarah yang baru dalam membangunkan negara kita ini. Saya juga suka memberi tahniah kepada Menteri yang berkenaan iaitu Datuk Haji Abdul Taib Mahmud kerana dalam masanya sebagai Menteri telah membentuk satu badan yang baru yang sangat penting bagi kemajuan negara kita ini. Saya rasa segala usaha beliau yang bersungguh-sungguh untuk menyusun satu undang-undang yang

begini kemas dan teratur tidak akan dapat dilupakan oleh kerana kita pada masa yang akan datang.

Perkara minyak ini ialah satu perkara yang sangat besar maknanya kepada negara kita dan satu tenaga yang penting bagi kepentingan dunia hari ini. Kalau sekiranya kita tidak menyusun dengan satu susunan yang kemas dan teratur, apa sahaja boleh berlaku pada masa-masa hadapan apabila badan yang berkuasa seumpama ini berjalan kuatkuasanya. Jadi saya memujilah Kementerian yang berkenaan telah meletakkan kuasa yang penuh kepada Perdana Menteri dalam memimpin syarikat yang akan ditubuhkan di bawah undang-undang ini. Dan ini sahajalah tempat pergantungan kita bagi menjaga keselamatan perjalanannya, bagi menjaga keselamatan negara kita di masa hadapan dan bagi kemajuan-kemajuan yang akan kita capai kelak.

Selain daripada undang-undang, yang penting sekali ialah orang-orang yang akan dilantik menjadi Pengurus, menjadi Timbalan Pengurus, menjadi ahli-ahli pekerja yang akan menjalankan badan yang begitu penting bagi negara kita. Sungguhpun Perdana Menteri sebagai mempunyai kuasa mutlak mengatasi segala kuasa yang ada pada badan ini, kita harus faham Perdana Menteri itu telah ditugaskan dengan berbagai-bagai perkara yang besar, perkara-perkara yang mengenai negara, yang tidak dapat beliau itu menumpukan sepenuhnya masanya kepada perjalanan syarikat ini. Jadi apa yang penting bagi kita ialah mengingatkan Kementerian yang berkenaan supaya kelak manakala hendak melantik Pengurusnya maka hendaklah melantik orang yang benar-benar jujur, orang yang benar-benar dapat menjalankan tugas dengan cepak, dengan ikhlas dan orang yang tidak perlu kepada kekayaan, orang yang tidak memikirkan mahu dirinya kaya, keluarganya senang tetapi orang yang sanggup berdikari untuk negara. Ini adalah satu masalah yang susah bagi negara kita hendak mencari orang-orang yang seumpama ini, melainkan satu kajian yang teliti latar belakang orang ini dan sejarah hidupnya, sejarah familinya dan berbagai-bagai perkara yang patut diteliti supaya tidak ada kesilapan yang akan berlaku perlantikan yang seumpama ini.

Saya faham barangkali kecekapan Tun Perdana Menteri kita dalam melantik banyak

pegawai-pegawai tinggi, pengerusi-pengerusi Perbadanan, berbagai-bagai jawatan-jawatan yang penting. Menteri dan sebagainya tetapi dalam perlantikan itu bukan kesemuanya perfect, bukan kesemua kena pada tempatnya. Ada perlantikan-perlantikan yang begitu kena pada tempatnya tetapi apabila sudah dilantik mesti diberi chance, mesti diberi peluang untuk diperbetulkan apa yang silap. Tetapi bagi company minyak ini tidak boleh diberi peluang yang seumpama itu, tidak akan dapat kita melantik satu orang yang akan membuat kesalahan sambil belajar tetapi kita mahu perlantikan itu satu perlantikan yang paling perfect, paling kena pada tempatnya, sebab kalau satu hari dia buat kesilapan maka negara akan rugi. Kesilapan-kesilapan yang kecil sekalipun kita tidak mahu melihat dilakukan oleh orang-orang yang akan dilantik untuk menguruskan syarikat itu. Ini bersabit dalam masalah perlantikan pengurus badan yang penting.

Perkara yang kedua ialah dasar Badan ini akan menuju matlamatnya. Dalam undang-undang ini meliputi segala aspek dalam masalah minyak, dalam menggali minyak, dalam mencari minyak, dalam mengeluarkan minyak dan dalam perkara menapis minyak. Saya rasa satu matlamat yang patut dituju dan patut diatur daripada sekarang ataupun daripada masa syarikat itu ditubuhkan kelak ialah bagaimana programme kerjanya, selain daripada menggali dan menapis dan menjual minyak mentah dan sebagainya ialah memikirkan programme cara mana untuk menguasai pemasaran minyak dan pengimpor minyak. Sebab kita tidak mahu mengalami kesusahan-kesusahan yang dibuat oleh peniaga-peniaga atau pengusaha-usaha minyak yang besar-besar di dunia hari ini. Kita tidak mahu mereka ini meletakkan surat-surat yang berupa blackmail, surat-surat yang berupa tekanan-tekanan dalam saat krisis negara. Kita tidak mahu syarikat-syarikat yang besar ini menubuhkan komplot atau satu sindiket yang boleh meletakkan satu ugutan kepada Kerajaan, apabila tidak naik harga minyak \$1 maka minyak tidak ada dalam pasaran, kalau tidak menaikkan harga minyak \$2 maka negara tidak akan bergerak maju, negara akan runtuh dan ekonomi kita akan rugi.

Ini adalah tekanan-tekanan yang berupa lebih daripada blackmail ataupun peras-ugut kepada Kerajaan, kepada negara kita. Jadi kita telah kena. Langkah ini telah dibuat

kepada kita waktu kita menghadapi krisis dalam masalah minyak. Kita tidak mahu perkara ini berlaku dua kali di masa hadapan dan kalau kita tidak mahu berlaku dua kali di masa hadapan maka usaha syarikat ini yang utama apabila menjalankan ialah mengatur program bagaimana cara dapat kita menyusun satu program untuk mengambil alihkan usaha-usaha membawa masuk minyak dan menapis minyak dan juga memasarkan minyak dalam negara kita ini. Sungguhpun benda ini tidak dapat dilakukan dengan segera dalam satu masa yang singkat tetapi usaha permulaan perlu diatur kerana sesuatu kerja kiranya tidak dimulakan maka tidak ada penghabisan. Apa yang mesti dibuat ialah mesti kita mulakan kerja itu, walaupun kerja itu mesti siap dalam masa 10-20 tahun tetapi kerja permulaan perlu dimulakan sekarang. Kalau bola itu kita tidak tendang maka tidak bergerak bola itu dan tidak ada permainan di dalam permainan bola itu. Inilah yang difikirkan perlu bagi negara kita menghadapi dalam masalah minyak.

Tuan Yang di-Pertua, bukan minyak sahaja yang kita terpaksa hadapi. Apa juga bahan keperluan negara bagi membina negara kita ini telah menjadi tekanan daripada pengusaha-pengusaha besar. Cuba kita lihat apa telah berlaku kepada pengusaha-pengusaha kilang simen yang menjadi sangat penting bagi negara kita dalam masa pembinaan ini. Kita mempunyai Rancangan Lima Tahun dan kita akan menuju matlamat pembinaan kita dalam satu jangka masa yang sangat cepat tetapi kalau sekiranya pengusaha-pengusaha ini dibiarkan menyusun sindiket-sindiket yang boleh mengugut Kerajaan, yang boleh meruntuhkan usaha Kerajaan untuk membina negara kita ini dengan cara menahan, dengan cara menyekat, dengan cara menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya, dengan cara menyorok barang dan sebagainya maka ini adalah satu perkara yang sangat penting yang perlu diambil tindakan dengan segera. Kita tidak mahu syarikat kilang simen yang ada dalam negara kita ini ada 3-4 buah kilang memberi satu surat kepada Kerajaan: Aku mahu menaikkan harga simen dengan harga \$3 ataupun harga \$2 ataupun harga \$1 dan kiranya tidak naik harga simen \$1 maka simen tidak ada dalam pasaran dan segala pembinaan berhenti dalam negara kita ini. Apa akan jadi kepada rancangan-rancangan untuk

membina jambatan-jambatan yang besar-besar, apa akan terjadi kepada rancangan-rancangan pembinaan rumah-rumah yang mencakar langit di Bandar Kuala Lumpur ini, apa yang akan jadi kepada rancangan untuk mengadakan saluran perjalanan di antara Pulau Pinang dengan Tanah Besar. Kiranya kita biarkan pengusaha-pengusaha yang seumpama ini mengambil tindakan-tindakan yang tidak mengindahkan keperluan negara. Kita perlu memberi amaran tetapi kita perlu juga bertindak selain daripada memberi amaran kerana mereka ini kita cuma kata sahaja: Awak tidak boleh buat begini, awak tidak boleh buat begitu, tetapi kita perlu bertindak. Kita katakan orang-orang yang mengebomkan jentera-jentera di Lebohraya Timur/Barat sebagai pengkhianat, sebagai anti nasional dan sebagainya tetapi orang yang menahan pembangunan negara, orang yang cuba mengugut Kerajaan dalam untuk menghentikan pembinaan negara juga anti nasional dan perlu diberi pengajaran yang patut. Itulah yang saya kata masalah yang kita hadapi dengan orang-orang yang mempunyai modal yang besar yang seolah-olah memegang teraju ekonomi negara kita hari ini. Orang-orang ini mempunyai kumpulan-kumpulan, sindiket-sindiket secara tidak langsung untuk menghadapi Kerajaan dalam masa Kerajaan menghadapi krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kerajaan menghadapi Pilihanraya Umum. Kerajaan menghadapi pembinaan negara tetapi bagi mereka ini, inilah saatnya mereka cuba menekan, inilah saatnya mereka cuba meletakkan segala syarat dan sebagainya untuk mendapatkan keuntungan-keuntungan yang lebih. Saya rasa terlebih sedikit percakapan saya terlanjur dalam pembinaan lain daripada apa yang ada dalam Undang-undang Petroliaam ini tetapi saya rasa lebih kurang sama perlunya bahan-bahan binaan, bahan-bahan keperluan negara yang lain daripada petrol ini yang patut mendapat perhatian, yang patut mendapat tindakan yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan.

Saya rasa tidak banyak saya hendak bercakap dalam Bil ini kerana daripada apa yang Yang Berhormat Menteri kita katakan tadi sebelum beliau mengatitkan Bil ini beliau telah mengkaji dari beberapa segi negara lain dalam menyusun pengeluaran yang seumpama ini dan beliau telah memilih Indonesia sebagai contoh yang patut kita ikuti. Saya rasa ini adalah satu cara yang

baik dalam membentuk satu benda yang baru. Indonesia kita dapat dengar dan dapat perhatian dalam masa negara menghadapi krisis minyak. Indonesia menghadapinya dengan tenang kerana Indonesia mempunyai kuasa yang tertentu dalam mengawal hak pengeluaran minyak. Jadi kita mahu cara yang seumpama itu. Kita mahu kita mempunyai negara, kita mempunyai kuasa dan kita dapat mengawal hakmilik negara kita, hak harta-benda yang ada dalam negara kita ini dengan baik dengan tidak dapat kita menemui tentangan-tentangan daripada kapitalis-kapitalis besar yang cuba hendak mengeksploitkan perkara yang ada dalam negara kita hari ini. Inilah satu contoh yang baik sebagaimana Indonesia telah buat dan Menteri kita telah mengikuti contoh yang seumpama itu dan pada saya dengan kita lihat apa yang berlaku di Indonesia pada masa krisis minyak baru-baru ini Indonesia telah menghadapinya dengan tenang, maka kita harap dengan cara yang seumpama itu jugalah kita dapat hadapi kiranya ada apa-apa perkara yang kelak berlaku krisis dalam perkara minyak di masa hadapan.

Saya rasa kita patut bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana telah memberi satu sumber baru kepada negara kita, kepada rakyat kita. Kita mesti ingat kepada Tuhan yang telah memberi kekayaan kepada bumi kita dengan timbulnya minyak di Pantai Timur, Trengganu dan wakil kita Yang Berhormat Datuk Mansor pun ada di sini, di Sarawak, wakil Sarawak pun ada, jadi negara kita akan menjadi salah satu daripada negara minyak dan saluran minyak itu datangnya ke Pantai Timur. Saya rasa pada satu hari nanti Pantai Timur, Trengganu, Kelantan akan jadi lebih daripada Kuala Lumpur lagi nanti negeri-negeri yang paling maju di sebelah Pantai Timur dan kita akan lihat. Kalau kita tak dapat lihat barangkali anak-cucu kita akan mengucap syukur kepada Tuhan dan akan membaca doa kepada roh kita pada masa akan datang kerana kita telah menempa satu sejarah yang baru dalam perkembangan ekonomi dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama akan mendapat nama yang baik apabila beliau tidak ada lagi nanti dan nama beliau tetap diganti oleh negara.

5.59 ptg.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang

Undang-undang ini dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan Menteri yang berkenaan atas inisiatif yang ditunjukkan atas cadangan membina satu syarikat seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini bernama PETRONAS. Saya ingin buat sedikit teguran atas Rang Undang-undang ini dan saya ingin memulakan daripada perkataan yang mana Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menghabiskan ucapannya tadi.

Kata beliau, "PETRONAS bukan sahaja akan menghadapi cabaran exciting dimasa hadapan tetapi juga memerlukan ketekunan kerja yang berdedikasi dan sikap enlighten yang boleh menarik pelabur-pelabur besar. Akhirnya berkehendakkan satu pandangan jauh atau vision yang akan membolehkannya memenuhi hasrat-hasrat Dasar Ekonomi Baru". Ini saya merasa ialah satu langkah yang maju diprogram perindustrian negara kita ini. Sebab minyak atau petroleum atau energy ialah satu sumber yang memberi faedah yang besar kepada negara kita. Ia bukan sahaja satu sumber utama bahan bakar atau energy bagi memenuhi permintaan yang meningkat dari perindustrian kita, ia boleh jadi sebagai "feedstock" di beberapa perusahaan petro-kimia atau spin of industries yang dikatakan oleh Menteri tadi dan boleh jadi satu sumber tukaran wang asing atau as a foreign exchange earner. Mengikuti kata Menteri, kalau sampai akhir tahun 1980, kalau keluaran daripada minyak boleh didapati sampai 500.000 tong sehari, saya ingat wang asing yang didapati dari minyak ini boleh menandingi pendapatan daripada getah. Sebab ini adalah satu sumber yang besar dan saya ingat yang penting lagi, ini adalah satu cara untuk mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baharu yang mana warganegara Malaysia kita boleh dapat pengalaman dan beberapa teknik dalam oil refining.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya, saya ingin menyambung sedikit ucapan dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) I would like to comment on some of the provisions of the Bill which is before us. I think there is considerable merit in setting up PETRONAS as a company under the Companies Act, as against what was felt previously under the HIKMA concept as a statutory body. Obviously as a Government-owned and

controlled company it has the flexibility of approach and we hope that, as the Minister said, the people who are to run PETRONAS will be people of the highest integrity, dedication and of sufficient professional expertise.

I notice Clause 2 of the Bill says that the entire ownership in, and the exclusive rights, powers, liberties and privileges of exploring, exploiting, winning and obtaining petroleum whether onshore or offshore of Malaysia shall be vested in Petronas. Later on, Clause 6 of the Bill says that no business of processing or refining of petroleum or manufacturing of petro-chemical products from petroleum, may be carried out by any person or body of persons or company other than PETRONAS unless there is in respect of any such business a permission given by the Prime Minister. This, I think, is one big step forward. I won't call it nationalisation, but I think one step forward in State ownership of exploitation and the utilisation of our oil resources and the Government is to be congratulated for taking what I would consider a very bold step forward. I think we have moved away, as the Minister has pointed out, from what is called the "concession" system to a "production sharing" system, which I think is the system adopted in most of the oil countries such as our nearest neighbour Indonesia, which has provided us with a lot of their experience.

In Petronas going ahead with the refining and ultimately the manufacturing of the by-products from petroleum, I think it is important to bear in mind that the petro-chemical industry provides the base for a number of other industries. For instance, as the Minister has pointed out, fertilizers and in future we perhaps can make our own fertilizers and perhaps we can even export them and this is one important factor in our whole agricultural programme. Then, we probably will be moving on to the field of synthetic fibres and as the Minister was talking about the naphta-cracking plants, it would not be very far off when we may also be producing synthetic rubber in addition to natural rubber. This is not a far-fetched idea and I think it is a concept which Malaysia is preaching, i.e. natural and synthetic rubber can work together. When we have our naphta-cracking plant, we probably will have synthetic rubber produced which

could be blended with natural rubber and we will probably show the world that natural and synthetic can be compounded and used and be exported from Malaysia without having them to mix it in their factories. I think this is the sort of vision which the Minister has been saying and I think I would like to congratulate the Minister and the Government for having this sort of vision.

Ultimately, I presume and I hope that with the experience that we have gained, we should not just stop at refining and manufacturing. I think we should go the whole way as far as even the distribution. In other words, of course, in the years to come, it probably will lead to the ultimate nationalisation of the whole oil industry. I think this is perhaps pertinent in the experience we just had in the last few weeks or months when we had shortages of kerosene, shortages of diesel and all that. So I think PETRONAS has a very important role to play not only in the industrialisation of the country but also in keeping the wheels of our industry, the wheels of our whole livelihood—I mean, people have to move about in cars and various forms of transport—and therefore I think it has a very responsible role to play. I am sure that since this is directly under the Prime Minister and, with the initiative and leadership of the Prime Minister, I think PETRONAS will in future develop to be one of the most important agencies for development in this country.

6.08 ptg

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan juga memberikan tahniah kepada Kerajaan dan Kementerian ini yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini setelah 2 tahun mempelajarinya, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat di dalam jawapan pada sebelah tengah hari tadi.

Hasil dari pengajian itu, mungkin agaknya, dalam negara kita ini, kita akan dapati hasil-hasil minyak yang banyak pada masa yang akan datang. Kalau research ini didasarkan kepada suatu ayat di dalam Al-Quran akan jelas lagi bahawa di bawah lautan itu terletak petroliam, terletak minyak-minyak yang tidak akan dapat diketahui oleh manusia, melainkan setelah

menyelidikinya dan mempelajarinya mengikut ilmu pengetahuan. Tentu Yang Berhormat Menteri kita telah pernah membaca ayat "Wa-izal bihar hujirat" manakala lautan dibakar waktu saat dunia akan kiamat. Tetapi kenapa Allah subhanahu wa taala menyebutkan "Wa-izal bihar hujirat"—bila lautan itu terbakar? Ini menunjukkan kalau mengikut kepada tafsiran ulama-ulama yang moden sekarang, ulama-ulama seperti Abduh ataupun ulama-ulama seperti Jawahir Tampawi yang terkenal tafsirnya, dia telah mengulas kalimat "Wa-izal bihar hujirat" ini. Ertinya, di dalam dasar laut itu terdapat suatu tabii yang dijadikan oleh Allah subhanahu wa taala yang boleh membakar dan pembakaran ini dikehendaki oleh Tuhan pada bila-bila masa sahaja. Dan manakala kehendak Tuhan ini berlaku, maka dunia ini akan terbakar seluruhnya.

Element atau asas pembakaran dunia ini datangnya dari gas dan minyak seperti yang diketahui oleh ilmu pengetahuan dunia sekarang. Setiap negeri atau setiap bumi yang ada di dunia ini mempunyai unsur-unsur ini. Negeri di Timur Tengah pada faham saya oleh kerana mereka tidak boleh menanam padi, tidak dapat menanam sayur-sayur, dan tidak dapat menanam tanaman-tanaman yang lain, tidak ada hutan-belantara yang hendak dibuat balak-balaknya tidak ada, hanya padang pasir, maka Tuhan telah memberi ilham kepada mereka di Timur Tengah itu supaya menggali apa yang ada di tengah-tengah laut mereka atau di tengah-tengah padang pasir itu sendiri, maka terdapatlah minyak. Dan kita terlupa bahawa negeri kita ini adalah sebuah negeri yang ada kaitannya dengan dunia lain melalui daratan ini mempunyai hubungan di antara satu benua dengan satu benua, dan oleh kerana sumber-sumber hidup di negara kita ini banyak, ada kelapa, ada laut, dan padi, ada jagong, ada sagu dan sebagainya, maka mungkin agaknya itu telah menyebabkan kita terlambat mempelajari apa yang ada dalam dasar lautan kita. Syukurilah, agaknya Tuhan akan memberi satu bintang kepada Yang Berhormat Menteri pada masa beliau menjadi Menteri ini telah diusahakan untuk mencari hasil bumi kita ini lebih, maka dikemukakan Rang Undang-undang ini bahawa pencarian-gali hasil bumi, terutama sekali minyak ini akan diserahkan kepada satu badan yang bernama PETRONAS ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas usaha ini, dan apa yang dikatakan oleh sahabat-sahabat saya sebelum daripada ini tadi, menunjukkan bahawa masa hadapan kita di dalam soal perusahaan minyak ini akan lebih cerah dan kita akan masuk ke dalam suatu bidang perusahaan yang baharu. Seperti kata Yang Berhormat Menteri di dalam ucapannya tadi, bukan sahaja kita akan dapat hasil minyak, tetapi pengeluaran daripadanya itu akan melibatkan banyak perusahaan-perusahaan yang boleh memberikan peluang pekerjaan kepada warganegara kita pada masa yang akan datang. Kita akan dapat menghasilkan baja kita sendiri, kita akan dapat menghasilkan perusahaan-perusahaan yang pada hari ini tidak dapat kita hendak kata apa dia, tetapi akan timbul pada masa yang akan datang manakala usaha ini berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, manakala kita telah bersedia untuk mencarigali hasil yang tersimpan di dalam perut bumi kita ini, dan apa yang kita sebutkan kekayaan yang masih terpendam, maka usaha-usaha ke arah menyediakan diri di dalamnya itu patutlah diutamakan. Seperti Yang Berhormat Menteri menyebutkan tadi kita telahpun menghantar beberapa orang untuk menjadi pakar-pakar di dalam perusahaan minyak ini keluar negeri, dan beliau menyebutkan satu dua negeri. Saya rasa tidak cukup hanya satu dua orang untuk menampung kepentingan yang begitu besar pada masa yang akan datang. Kita perlu menyediakan sekarang bukan sahaja ahli-ahli teknik yang boleh menyelenggarakan usaha-usaha perlombongan minyak pada masa yang akan datang, tetapi pakar-pakar yang boleh mengusahakan minyak kita itu, yang disebutkan tadi daripada permulaannya yang dia simpan di bawah, di dalam tanah atau di tengah laut, sampai dia keluar dan sampai masuk ke dalam tong, sampai dia masuk ke dalam tangki kereta atau sampai dia menjadi bahan-bahan kimia yang lain dan sampai dia masuk ke setiap rumah rakyat di negeri kita ini seluruhnya itu, haruslah diproses melalui usaha-usaha dan tenaga-tenaga warganegara kita sendiri.

Untuk ini, Tuan Yang di-Pertua, tentulah kita memerlukan tenaga yang agak besar, agak banyak dan kita telahpun mengadakan perundingan agaknya dengan PERTAMINA di Indonesia yang saya rasa telah banyak mengalami perubahan-perubahan di dalam perusahaan pengeluaran minyak ini, dan juga

mereka telah melalui pengalaman-pengalaman yang banyak. Saya rasa tidak ada salahnya kalau Kerajaan sendiri ataupun Kementerian itu sendiri menguntukkan wang yang tertentu untuk menghantar pelajar-pelajar kita yang berminat dalam masalah ini, diberikan biasiswa kepada mereka supaya mereka pulang dan duduk di bawah Kementerian ini sendiri pada masa yang akan datang. Saya rasa tidak cukup Yang Berhormat Menteri memberikan nasihat ataupun merayu kepada Kementerian yang lain supaya menyediakan perbelanjaan bagi (scholarship) melahirkan pakar-pakar dalam perusahaan ini. Apa salahnya kalau sekiranya Kementerian ini sendiri menyediakan tabung, menyediakan projek bagi melahirkan dan menyediakan orang-orang yang pakar manakala usaha-usaha ini hampir mencapai kejayaannya.

Seperti yang disebutkan oleh sahabat-sahabat saya sebelum daripada ini bahawa usaha ini atau PETRONAS ini sekalipun tidak boleh kita katakan seperti mehakmilik-negarakan, tetapi itu tidak dapat kita takrifkan sebagai nasionalisasi. Kita dapat menganggap ini sebagai perusahaan yang dipunyai oleh negara kita ini sendiri, bukan mehakmilik-negarakan di mana dia pada asalnya bukan hak kita, tetapi hakmilik-negarakan sesudah itu. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah boleh kita katakan ini sebagai satu mehakmilik-negarakan, tetapi merupakan sebagai hak kita sendiri seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, iaitu hak kita sendiri yang kita jaga daripada sumber asalnya sampai dia merupakan satu hasil yang boleh digunakan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat serta memberikan kata saya tadi tahniah kepada beliau atas usaha ini, kerana beliau sekurang-kurangnya telah dapat melaksanakan satu daripada ayat Al-Quran di dalam pencarian yang saya sebutkan tadi, dan daripada sumber yang besar ini akan terdapat perusahaan-perusahaan yang banyak seperti beliau sebutkan tadi. Maka bagi kita yang tua-tua ini mendoakan semua usaha yang seperti ini akan lekas hendaknya tercapai; biarlah rambut hitam telah bertukar putih dan kembali bertukar perang. Kita mahu melihat hasil usaha itu, kita mahu melihat bahawa tenaga yang kita curahkan sehingga orang muda jadi tua bentuknya, kerana memikirkan soal-soal yang seperti ini, tetapi

kita mahu melihat usaha itu berhasil dan usaha yang berhasil itu dinikmati oleh bangsa kita sendiri, oleh bangsa Malaysia kita sendiri, bukan hanya orang-orang lain sahaja dapat, tetapi kita sendiri yang dapat. Rang Undang-undang ini merupakan satu pengawalan yang ketat tentang perusahaan ini, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan orang yang akan menentukan masa depan perusahaan ini sendiri. Oleh kerana itu, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan menyokong Rang Undang-undang ini. Inilah satu Rang Undang-undang yang ke hadapan daripada sebelum kita usahakan bagi keselamatan bangsa dan negara kita pada masa yang akan datang yang lebih meluas di dalam soal perindustrian dan pembangunan negara kita ini.

6.20 ptg.

Tuan Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam ini.

Memang sudah sampai masanya bagi Malaysia mengadakan satu dasar tertentu bagi mengawal kepentingan dirinya dari hasil-mahsul sumber-sumber minyak di negara ini sebelum dapat dikuasai keuntungannya lebih besar oleh syarikat-syarikat minyak asing atau pihak-pihak yang bukan Kerajaan yang boleh menjejaskan faedah yang sepatutnya dinikmati oleh seluruh rakyat.

Pengumuman Menteri Perusahaan Utama bahawa Malaysia akan dapat mengeluarkan 200,000 tong minyak sehari mulai tahun 1977 dari telaga-telaga minyaknya adalah satu khabar yang paling menggembirakan bagi rakyat.

Penemuan-penemuan minyak itu merupakan satu sumber yang menjadi tenaga kuat bagi keteguhan lagi ekonomi negara dan diharap secara tidak langsung dapat mengukuhkan ekonomi rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya huraian atau tujuan dari Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam yang membolehkan penubuhan Petroliaam National Berhad ini nampaknya tidak begitu sangat lengkap dan memuaskan. Apa yang sangat diharapkan dari Rang Undang-undang ini ialah kawalan serta penjimatan faedah supaya tidak terlalu banyak mengalir kepada pihak-pihak yang hanya mementingkan diri sendiri.

Sabah merupakan antara negeri-negeri yang juga terlibat dalam penemuan telaga minyak adalah sangat-sangat memandangkan berat tentang dasar kemajuan petroliam ini. Kerajaan Negeri Sabah juga sepatutnya sentiasa dibawa berunding tentang penyelenggaraan dasar ini, terutama sekali berhubung dengan cara-cara mengendalikan urusan mengangkut minyak dari negeri itu.

Bagi mengelakkan lebih besar faedah mengalir kepada pihak-pihak bukan Kerajaan, maka saya mencadangkan supaya semua urusan mengenai dengan minyak ini hendaklah dikendalikan sendiri oleh Petronas. Menyerahkan urusan pengendalian pengangkutan minyak kepada satu lagi badan lain seperti Perbadanan Perkapalan Antara Malaysia adalah satu tindakan yang tidak wajar dan ini adalah salah satu punca memotong faedah yang sepatutnya didapatinya. Dengan itu adalah lebih baik lagi Petronas menguruskan juga pengendalian pengangkutan minyak dengan mempunyai oil tankernya sendiri.

Bagi minyak yang dikeluarkan di tanah Sabah, saya sangat-sangat bersetuju kalau pengangkutan itu diberikan kepada Yayasan Sabah, kerana Yayasan Sabah mempunyai perusahaan perkapalannya sendiri. Lagipun Yayasan Sabah adalah kepunyaan rakyat Malaysia di Sabah, dan bukan kepunyaan oleh segelintir kecil orang yang sudah kaya atau orang yang sudah dan sedang menikmati kemanisan hidup. Apa yang saya harap soal pengangkutan minyak yang dikeluarkan di Sabah perundingan mesti terlebih dahulu dijalankan dengan Kerajaan Sabah.

Dengan mengendalikan segala urusan, saya percaya Petronas bolehlah memastikan bahawa hasil yang lebih besar dapat dipertahankan, dan tidak mengalir kepada pihak-pihak segulungan kecil. Dengan ini rakyat akan menikmati faedah sepenuhnya. Di samping itu hendaklah dipertahankan juga bahawa perusahaan minyak di negara ini bukan sahaja akan meneguhkan lagi kedudukan ekonomi, tetapi adalah diharapkan dapat menolong mengadakan peluang-peluang pekerjaan. Kerajaan patut memikirkan mengadakan satu sekim bagi melatih orang-orang tempatan dengan peluang utama diberikan kepada bumiputra seberapa ramai lagi bagi memenuhi keperluan tenaga dalam perusahaan minyak dan janganlah Kerajaan terlalu bergantung kepada tenaga-tenaga

pakar dari luar negara sahaja. Saya sangat-sangat gembira bahawa perkara latihan ini telah difikirkan dan diambil perhatian berat oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Pada akhirnya, kesimpulannya, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa dasar kemajuan petroliam ini akan dijalankan selaras dengan hasrat dan kepentingan rakyat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga Rang Undang-undang Kemajuan Petroliam 1974 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga Rang Undang-undang Kemajuan Petroliam, 1974 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM

6.26 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi.

Tidak syak lagi Rang Undang-undang ini adalah salah satu Rang Undang-undang yang sangat penting dan sangat mengembirakan kita semua, apa lagi amnya rakyat-rakyat di Malaysia, kerana masalah hasil minyak itu adalah menjadi suatu perkataan

hikmat yang sangat tinggi mutunya iaitu semenjak kejadian penggunaan minyak sebagai senjata yang telah digunakan oleh negara-negara Timur Tengah tidak berapa lama dahulu. Jadi, dengan adanya Rang Undang-undang ini yang dibentangkan di Dewan ini pada petang ini, maka tentulah akan disambut oleh seluruh rakyat Malaysia dengan penuh gembira.

Berkenaan minyak ini, kalau tidak salah ingatan saya, semenjak dua tahun yang lepas iaitu apabila mula-mula ditimbulkan masalah mencarigali minyak di dasar laut Malaysia ini, kita seluruh rakyat adalah menanti-nanti untuk mendengar berita di manakah tempatnya yang akan mula-mula dapat ditemui (strike) dalam usaha-usaha yang dijalankan itu. Kalau tidak silap ingatan saya, lautan Trengganu adalah yang pertama yang diusahakan oleh syarikat untuk mencarigali minyak itu, tetapi malangnya, sehingga hari ini belum lagi dijumpai di dasar laut Trengganu. Nampaknya, negeri Pahang lebih bertuah, kerana beberapa buah telaga minyak yang dijumpai boleh dikatakan keluarannya adalah tertumpu kawasan lautan Pahang. Walau bagaimanapun, kita berharap hasil yang akan didapati daripadanya nanti akan mengalir keseluruhan negara, terutama sekali negeri-negeri yang berhampiran dengan Pahang sendiri seperti Trengganu dan Kelantan. Maka, saya berharap dengan tertubuhnya Petronas ini nanti usaha-usaha yang lebih giat hendaklah diusahakan pada keseluruhan lautan Trengganu dan Kelantan moga-moga, insya Allah, saya rasa telaga minyak yang kita harap-harapkan itu akan dapat dijumpai di kawasan lautan di Negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam usaha mengembangkan perusahaan minyak ini dan juga perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengannya, iaitu seumpama kilang-kilang petro-chemical ataupun lain-lainnya hendaklah seberapa boleh dibina di kawasan-kawasan Pantai Timur negeri Malaysia ini, saya dengar ada angin-angin bertiuip mengatakan satu usaha membina refinery akan dijalankan di dalam Negeri Trengganu di kawasan Kemaman—ini sebagai berita angin sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap berita angin ini akan menjadi kenyataan, kerana apabila terjadinya kelak nanti ini akan

dapat menolong kepada pembangunan Negeri Trengganu yang selama ini sentiasa ketinggalan dalam serba-serbi. Rakyat Negeri Trengganu sentiasa berharap-harap di atas usaha pembangunan ini supaya dapat mereka mengubah corak hidup mereka pada satu taraf yang dicita-citakan oleh kita bersama di bawah Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan.

Pada akhirnya, saya adalah mengalu-alukan dan menyokong penuh Rang Undang-undang ini diluluskan.

6.32 *ptg.*

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Rang Undang-undang yang saya kemukakan hari ini. Saya memang telah berasa terharu mendengar bahawa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan harapan yang besar kepada pertukaran yang mungkin berbangkit daripada langkah-langkah ataupun pertukaran dasar yang dibangkitkan daripada Rang Undang-undang ini.

Oleh kerana saya tahu bahawa kemungkinan hasil negara akan bertambah lebih banyak daripada minyak ini, saya baharu mengirakan tadi dengan kasar 1980 sekurang-kurangnya \$4 billion dengan harga US\$10 satu tong sahaja. Kalau harga masih macam sekarang barangkali lebih daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, Harapan itu tidaklah saya rasa akan hampa. Yang kita mesti mempersiapkan daripada sekarang ialah supaya peluang-peluang dan wang hasil-hasil negara yang bertambah banyak ini akan dapat digunakan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia daripada segi mereka mengambil bahagian sebagai pakar-pakar dan pekerja-pekerja, dan juga saya harap menerusi cara-cara lain melaburkan modal dalam perusahaan-perusahaan yang ada bersangkutan dengan petro-chemical.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mansor telahpun menyatakan harapan beliau bahawa negeri Trengganu juga akan dapat keuntungan daripada perkembangan petroliam kita. Saya tidak dapat menentukan setakat ini, tetapi daripada Lapuran-lapuran

Reservoir—Reservoir Report yang saya dapat terima maka sekarang ini kegiatan kita mencarigali minyak di Pantai Trengganu bukanlah bertambah kurang, tetapi bertambah cekap lagi dan kegiatan operasi mengenai ini telahpun berlipat ganda oleh beberapa syarikat minyak. Ini bererti bahawa dengan izin Allah Subhanuwataala corak Negeri Trengganu dan negeri-negeri lain di Pantai Timur akan tentu berubah. Yang saya maksudkan apakala saya menyusun dasar baharu ini ialah biar perusahaan petroliam itu menjadi satu tenaga modennasasi pembangunan di Sabah, di Sarawak dan di Pantai Timur supaya perkembangan kedudukan ekonomi di Malaysia ini akan seimbang Pantai Barat dengan Pantai Timur sama akan mewah pada masa akan datang. Kalau Allah Subhanuwataala mengizinkan barangkali kita akan berjumpa dalam umur kita ini.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat minta supaya Dasar Kerajaan akan juga meliputi lapangan pengedaran ataupun distribution of petroleum. Ini memanglah telah diramalkan daripada awal dan memanglah cita-cita kita dengan perundingan, kalau betul dengan perundingan, kalau tidak betul kita buat juga barangkali dengan syarikat-syarikat minyak bahawa peranan yang lebih penting lagi akan diberikan kepada Malaysia untuk memberi perkhidmatan dalam soal menggunakan tankernya sendiri masuk menyertai di dalam mempunyai paip lines yang besar-besar, yang berbatu-batu dan mungkin juga dalam menubuhkan stesyen-stesyen petroliam yang baharu dalam negara ini. Kerana kita dalam soal pengedaran ini nampak ada distinct advantage ataupun faedah kekuatan yang lebih setelah tertubuhnya Petronas untuk mendirikan petrol stesyen kita sendiri dengan perbelanjaan yang lebih murah daripada pembelian balik minyak yang menjadi kewajipan syarikat minyak menjual balik kepada kita dengan harga US\$20 satu tong ataupun US1½ sen satu gallon, maka dalam persaingan apapun Petronas kalau ada petrol stesyennya sendiri akan dapat lebih maju daripada petrol-petrol stesyen yang lain. Tetapi kita dalam keadaan yang demikian, dalam kekuatan demikian tidak tergo-poh-gopoh terus hendak menyebabkan petrol-petrol stesyen lain sehingga bankrup kerana kita pun menghargai bahawa penanaman modal dalam Malaysia ini janganlah menjadi terbuang sahaja dan kita misti menyukat

langkah-langkah yang kita ambil pada masa akan datang. Kalau ada keinginan hendak menggalakkan rakyat Malaysia khususnya anak bumiputra untuk mengambil bahagian dalam perniagaan ini, maka jalan-jalannya sudah nampak terbuka pada masa sekarang ini, hanya kita akan menantikan masa yang kita dapat meningkatkan pengeluaran minyak kita.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Dzulkifli daripada Sabah telah pun mengeluarkan pemikiran supaya Kerajaan Sabah akan dibawa sama-sama berunding dalam menikmati segala faedah-faedah daripada perusahaan petroliam ini. Ini bukan sahaja menjadi tujuan Kerajaan sekarang ini, tetapi juga telah dijalankan oleh kita dalam masa yang lepas. Perundingan yang sangat rapat telah diadakan dengan Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Sabah. Dan pada masa akan datang apabila minyak sudah dikeluarkan di negeri-negeri lain tentu juga kita akan bekerja rapat dengan negeri-negeri yang ada mempunyai minyak ini supaya dalam menggunakan faedah yang penuh daripada terjumpanya minyak ini, kita dapat synchronize atau menyesuaikan langkah-langkah kita supaya economic planning satu-satu negeri itu dapat kita satukan dengan plan-plan kita hendak menggunakan petroliam ini untuk membangunkan perusahaan-perusahaan daripadanya, dan boleh membangunkan satu-satu kawasan seperti yang dimaksudkan dalam konsep Regional Development yang sedang dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Soal mempunyai tanker kita sendiri memanglah telah digalakkan dan sekarang ini M.I.S.C. dengan kesedaran bahawa kita mungkin akan perlu mengadakan tanker kita sendiri telah membeli sebuah tanker, dan pada masa akan datang keutamaan mistilah kita beri kepada syarikat kita sendiri dalam negeri ini untuk membeli tanker dan menggunakan tanker itu untuk mengeksport dan mengedar minyak kita sendiri.

Saya rasa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sangat sedar atas perasaan-perasaan orang di Malaysia Timur seperti di Sarawak, di Sabah ingin hendak sama-sama menikmati daripada pembangunan perusahaan petroliam ini, kerana ke dua-dua negeri ini adalah negeri yang pertama kali dianugerah Allah dengan rezki petroliam ini. Saya fikir tidak akan menjadi berat bagi

Kerajaan hendak merundingkan bagaimana hendak membahagikan nikmat ini kepada dua buah negeri itu ataupun negeri-negeri lain yang ada maksud yang baik. Jadi, tidaklah boleh menjadi satu kebimbangan bagi Ahli Yang Berhormat daripada Sabah itu fasal penyertaan anak-anak Sabah sendiri ataupun Sabah Foundation menerusi Sabah Foundation di dalam soal perusahaan pengedaran minyak petroliam.

Memanglah menjadi dasar kita di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk memberi keutamaan kepada bumiputra, dan pada masa sekarang ini saya rasa soalnya bukanlah untuk merebut peluang bagi anak-anak bumiputra untuk menyertai ataupun mendapat latihan dalam perusahaan petroliam, tetapi soalnya ialah berapa banyak yang kita akan dapat latih. Ini masalah yang saya jumpai dalam dua tahun yang lepas dimana yang ada qualification sudah tetap dihantar. Negara Saudi Arabia dan negara Indonesia, Iraq dan lain-lainnya sudah sedia hendak memberi tempat bagi kita berlatih. Hanya kita sekarang ini menempuh masalah mendapatkan orangnya sahaja.

Sambil kita menyentuh soal latihan ini, perundingan secara tidak rasmi telah pun dijalankan diantara Kementerian saya dengan pihak-pihak yang menjalankan pelajaran seperti Technical College kita di Jalan Gurney untuk melatih The Middle Rung Scheme dalam negeri ini. Dan saya rasa Universiti Sains Pulau Pinang pun ada mempunyai minat hendak menyusun semula kursus mereka supaya dapat memberi kursus yang sesuai bagi menyambut peluang-peluang yang akan timbul daripada perusahaan

petroliam ini nanti. Dalam hal ini keutamaan kepada bumiputra memanglah menjadi dasar kita dan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, komen-komen yang lain, saya rasa tidak perlu dijawab, hanya saya mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang sangat sesuai dan menasabah yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 29hb Julai, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.